



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.04

SUBUH 5.14 SYURUK 6.35 DUHA 6.59 ZUHUR 12.33 ASAR 3.55 MAGHRIB 6.29 ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 minit

Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 11

24 JANUARI 2024 / 1445 رجب 12

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahabnallahu

Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

IBTE- Brunei LNG meterai MoU pembangunan kompetensi kemahiran teknikal

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

JERUDONG, Selasa, 23 Januari. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bersama Brunei LNG Sdn. Bhd. (Brunei LNG) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menjalin kerjasama bagi pembangunan kompetensi kemahiran teknikal dan juga penggunaan kemudahan IBTE bagi tujuan program latihan kedua-dua pihak bertempat di Bengkel Mekanikal, IBTE Kampus Sultan Bolkiah, Seria.


Hadir menyaksikan majlis yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei berkenaan, Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan, Pemangku Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif Brunei LNG, Dayang Hajah Melissa binti Haji Zainal Abidin menjelaskan bahawa penandatanganan MoU berkenaan dengan IBTE merupakan langkah penting dalam memajukan Wawasan Brunei 2035.

Menurutnya lagi, selain daripada memberi peluang pekerjaan, kerjasama berkenaan juga memfokuskan kepada penyertaan aktif sebagai Jawatankuasa Penilaian dan Pembangunan Program (Programme Development and Evaluation Committee, PDEC) dan menyelaraskan kurikulum dengan keperluan industri.

>> Muka 5

BERKENAN MENERIMA MENGADAP DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK REPUBLIK RAKYAT CHINA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo yang berlangsung di Cheradi Ratna Otika, Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat Muka 2)

Menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada penghidap Scoliosis

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

JERUDONG, Isnin, 22 Januari. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) menjelaskan bahawa Program Scoliosis ditubuhkan oleh Jabatan Neurosurgei, PJSC dengan matlamat utama untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada penghidap Scoliosis di Negara

Brunei Darussalam (NBD).

Di bawah bimbingan Dr. Wong Chung Chek, pakar bedah tulang belakang yang terkenal pada peringkat antarabangsa jelas Yang Berhormat, program tersebut terus berkembang dengan menyediakan pembedahan kepada pesakit secara ad-hoc, lawatan pakar bedah serta pembedahan Scoliosis Independen yang dilakukan oleh pasukan Scoliosis tempatan.

>> Muka 3

Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan NBD Ke-40, 24 Februari

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - 23 Februari 2024 akan menjadi mercu tanda Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40.

Dalam perkara ini, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan bagi acara kemuncak Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40 untuk diadakan pada Sabtu, 24 Februari 2024, sebelah pagi bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



>> Muka 4

MANISNYA IMAN ایمان

"WAHAI orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : Berdirilah, hendaklah kau berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".

- (Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11).

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



RINGANKAN beban rakyat Palestin di Gaza

Muka 4



TIMBA pengetahuan tentang pemeliharaan kertas manuskrip, penjilidan

Muka 6



SMARTER Brunei terima sumbangan perkhidmatan internet

Muka 8



RENCANA BIJAKSANA kawal kewangan awda

Muka 21

Berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Mulia Paduka Seri Baginda Selasa, 23 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, hari ini berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan

Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Cheradi Ratna Otika, Istana Nurul Iman, di sini



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo.

MAJLIS SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ PERINGKAT NEGARA, 8 FEBRUARI NANTI

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Bagi memperingati peristiwa bersejarah Israk dan Mikraj junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1445 Hijrah akan diadakan pada Khamis, 27 Rejab 1445 Hijrah bersamaan 8 Februari 2024 Masih mulai jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan membawa tema 'Sembahyang Tiang Ugama'.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj

Peringkat Negara tahun ini akan diisi dengan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, Persembahan Selawat, Ceramah Khas dan Persembahan Khas.

Majlis dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pusat Da'wah Islamiah

Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN).

Para jemputan, ahli jawatankuasa, para peserta persembahan dan individu yang hadir ke majlis itu nanti dinasihatkan untuk melakukan ujian ART di rumah masing-masing (jika perlu); dan hendaklah menunjukkan

keputusan ART yang negatif melalui aplikasi BruHealth kepada Penyambut Tetamu atau AJK yang bertugas.

Individu yang mempunyai simptom-simptom seperti demam panas, batuk selesema, masalah pernafasan adalah dinasihatkan untuk tidak menghadiri majlis.

WAKTU SEMBAHYANG												
Januari	MASIH	HARI	Rejab	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	RABU	12	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42		
25	KHAMIS	13	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42		
26	JUMAAT	14	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42		
27	SABTU	15	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42		
28	AHAD	16	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42		
29	ISNIN	17	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43		
30	SELASA	18	5.06	5.16	6.36	7.00	12.34	3.56	6.31	7.43		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C Rain	32 26 °C Partly Cloudy	32 26 °C Partly Cloudy
Pekan Bangar		
32 25 °C Rain	32 26 °C Rain	32 26 °C Partly Cloudy
Pekan Tutong		
32 25 °C Rain	32 26 °C Rain	32 26 °C Partly Cloudy
Kuala Belait		
32 25 °C Rain	32 26 °C Rain	32 26 °C Partly Cloudy

Wallahu alam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

24 JANUARI 2024

Berdisiplin dalam amalan menabung

DALAM era globalisasi dan modenisasikan ini, kebaikan amalan menabung dalam kalangan masyarakat tidak dapat disangkal lagi. Masyarakat dilihat kurang memberi respons yang baik atau tidak berminat terhadap amalan menabung walaupun kaedah menabung masa kini adalah selamat dan terjamin berbanding masa lalu. Untuk mencapai kehidupan yang selesa, kita mesti bersedia secara fizikal dan mental tanpa mengabaikan aspek kewangan terutamanya.

Oleh itu, sebelum berdepan dengan pelbagai masalah di masa akan datang, kita mestilah membuat persiapan bijak seperti pepatah Melayu 'sediakan payung sebelum hujan' agar kita tidak dilanda musibah dalam keadaan tidak bersedia.

Wang yang kita peroleh melalui pekerjaan boleh disimpan di dalam bank atau juga tabung. Biarlah kita mula menabung atau menyimpan walaupun dengan jumlah yang sedikit pada awalnya kerana 'Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit'. Dapatlah dilihat bahawa amalan menabung sudah pasti memberi impak positif kepada kita pada masa depan.

Oleh yang demikian, ibu bapa memainkan peranan penting dan seharusnya menjadi contoh yang terbaik dalam mengamalkan tabiat suka menabung seperti mendisiplinkan diri anak-anak agar mempunyai peti tabung sendiri di rumah atau akaun simpanan di dalam bank dan seterusnya menjelaskan kepada anak-anak tentang kepentingan amalan menabung serta menanamkan sifat berjimat-cermat dan berbelanja dengan bijak dan tidak bersikap boros.

Antara langkah-langkah inisiatif untuk mengubah sikap kita dalam pengurusan kewangan ialah menyemak dan menyusun semula kewangan peribadi iaitu muhasabah diri dalam perbelanjaan dan gaya hidup di mana jika melebihi kemampuan, kurangkan perbelanjaan yang tidak penting malah simpan wang untuk rancangan masa depan.

Elakkan dari berhutang iaitu lebih-lebih lagi berhutang bagi perkara-perkara yang tidak berfaedah dan tidak penting. Justeru, apa yang boleh dibuat terhadap perkara ini, kita hendaklah memiliki beberapa kemahiran untuk membuat keputusan yang betul dalam kehidupan seperti membelanja rezeki yang diperoleh dengan bijak mengikut lunas-lunas Islam.

Seterusnya, mempunyai kesedaran terhadap pentingnya mengurus kewangan dan meningkatkan ilmu pengetahuan tentang kewangan dan risikonya serta mempunyai sikap yang betul terhadap kewangan dan memotivasi diri untuk mempunyai keyakinan diri yang kuat dan padu bagi mengurus kewangan yang bijak.

Berbalik kepada amalan menabung, secara umumnya, amalan menabung mempunyai banyak kepentingan untuk seorang individu dan keluarga kerana menabung akan memberi manfaat pada jangka masa panjang khususnya.

Galakkannya amalan menabung mesti diwujudkan agar lebih ramai orang yang menyedari kepentingan amalan ini. Tidak kira usia sama ada muda maupun tua, marilah kita mula menabung dengan cermat kerana 'berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian'.

Oleh itu, orang ramai adalah terus digalakkan untuk sentiasa bijaksana dalam pengurusan kewangan sendiri di mana persepsi masyarakat terhadap wang adalah sebagai satu kayu pengukur dalam penentuan kejayaan kehidupan seseorang itu. Memanglah duit itu tidak dapat menjanjikan kebahagiaan akan tetapi dengan duit, seseorang itu dapat membuat dirinya bahagia malah juga mampu akan membahagiakan orang lain. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

NOTA: AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیکن اوله جایتن فراغن، جایتن قردان منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BERKUALITI KEPADA PENGHIDAP

YANG Berhormat Menteri Kesihatan yang juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan pada majlis tersebut (kiri dan kanan).



>> Muka 1

"Yang penting, perkhidmatan seperti pemantauan saraf intraoperatif, pengurusan pesakit luar, fisioterapi dan keupayaan radiologi yang memenuhi keperluan Scoliosis, serta ahli akademik, juga telah mencapai kemajuan dan sumbangan yang ketara ke arah kejayaan program," ujar Yang Berhormat semasa merasmikan Minggu Scoliosis 2024 yang berlangsung di Lecture Theatre, PJSC, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, penyelidikan mereka terhadap Adolescent Idiopathic Scoliosis di NBD menunjukkan bahawa kira-kira 47 kes baharu bagi setiap 100,000 populasi remaja dikenal pasti setiap tahun dan keadaan ini hampir empat kali lebih kerap berlaku pada kanak-kanak perempuan berbanding lelaki.

Jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi, majoriti pesakit tidak melaporkan sebarang gejala semasa pembentangan dan kebanyakannya tidak memerlukan pembedahan.

Walau bagaimanapun tambah Yang Berhormat lagi, mereka juga mendapati kualiti hidup dan imej diri berkaitan kesihatan adalah lebih rendah dalam kalangan remaja tempatan dengan Scoliosis Idiopatik yang tidak dirawat, khususnya mereka yang mengalami Scoliosis sederhana dan teruk, berbanding mereka yang tidak terjejas. Oleh itu menurut Yang Berhormat, penjagaan terhadap aspek psikososial pesakit Scoliosis adalah sama pentingnya untuk kesejahteraan mereka.

"Subset pesakit, terutamanya mereka yang mempunyai sudut Cobb lebih daripada 45 darjah biasanya menjalani pembedahan. Sejak Mac 2019, sebanyak 85 kes Scoliosis Idiopatik telah berjaya dilakukan di PJSC dengan pembetulan Scoliosis yang optimum tanpa sebarang komplikasi kekal.

Pesakit ditahan secara purata

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

tiga hingga empat hari selepas pembedahan dan ada juga yang pulang ke rumah seawal dua hari selepas pembedahan," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, pesakit dan ibu bapa sangat berpuas hati terhadap pengurusan di mana kesemua pesakit kembali melakukan aktiviti penuh termasuk sukan, yang biasanya berlaku enam hingga 12 bulan selepas pembedahan dan ini adalah bukti kerja baik yang boleh dicapai dengan pendekatan holistik berasaskan pasukan, pelbagai disiplin terhadap penjagaan pesakit.

PJSC adakan Minggu Scoliosis 2024



JERUDONG, Isnin, 22 Januari. - Bagi memupuk kesedaran dan pemahaman mengenai Scoliosis dalam masyarakat Brunei serta pendidikan berterusan dalam kalangan pengamal klinikal, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) mengadakan Minggu Scoliosis 2024.

Minggu Scoliosis 2024 tertumpu kepada pendidikan perubatan dan penglibatan pesakit melalui Bengkel Scoliosis dan Program Pembedahan Secara Langsung bagi para doktor serta Hari

Penghargaan bagi pesakit-pesakit Scoliosis.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Minggu Scoliosis 2024 ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah PJSC berlangsung di Lecture Theatre, Bangunan PJSC, di sini.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif, PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar.

Antara yang terkandung semasa Minggu Scoliosis 2024 ialah Bengkel Pembedahan Secara Langsung di mana PJSC bersedia untuk mencapai kejayaan bersejarah dengan bengkel pembedahan secara langsung yang pertama di mana peserta akan dapat belajar dan berinteraksi

جاین فرانچن ایکوتومی دان ستاتیسٹک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL IBWL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"
"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"
"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"
"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



YANG Berhormat Menteri Kesihatan merasmikan Minggu Scoliosis 2024 dan seterusnya melawat bahagian pameran yang berlangsung di Lecture Theatre, Bangunan PJSC (atas dan atas kiri).

dengan pakar bedah perunding dari Teater Operasi Hibrid PJSC yang menyediakan pengalaman pendidikan yang unik untuk para profesional perubatan.

Selain itu, turut diadakan Anatomical Specimen Workshop : Anatomical specimen dummies disediakan untuk peserta mempraktikkan teknik canggih dan kemahiran yang diperlukan untuk rawatan Scoliosis yang berkesan.

Sementara itu, Patient Engagement Day ini adalah untuk menghormati kekuatan dan daya tahan individu yang menghadapi Scoliosis, diikuti dengan Special Patient Engagement Day. Turut serta dalam bengkel tersebut ialah para doktor tempatan dan antarabangsa dari Malaysia dan Filipina yang khusus dalam bidang Pembedahan Saraf dan Ortopedik.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 daripada empat buah agensi di bangunan KKBS.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 22 Januari. - Menteri
Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Yang Berhormat Dato Seri Setia
Haji Awang Nazmi bin Haji Awang
Mohamad menerima sumbangan
derma bagi Tabung Kemanusiaan
Rakyat Palestin di Gaza 2023
berjumlah BND70,985.12 daripada
empat buah agensi di bangunan
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan (KKBS), petang tadi.

Sumbangan daripada
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) berjumlah BND13,000
disampaikan oleh Rektor UNISSA,
Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sumbangan tersebut merupakan
hasil kutipan daripada aktiviti-
aktiviti yang dianjurkan oleh Fakulti
Usuluddin dan Fakulti Ekonomi
Kewangan Islam dan beberapa
aktiviti lain yang diadakan pada
bulan Disember 2023 dan awal
Januari tahun ini.

Sementara itu, Universiti

Brunei Darussalam (UBD)
menyumbangkan sejumlah
BND11,000 yang disampaikan
oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri
bin Haji Kifle.

Sumbangan derma adalah hasil
kutipan daripada projek Misi Peduli
Palestin dan warga UBD.

Manakala Persatuan
Kami Prihatin (WeCare)
menyumbangkan sejumlah
BND26,000 yang telah
disampaikan oleh Presiden
Persatuan Kami Prihatin (WeCare),
Awang Muhammad Samira Razin
bin Abdullah Sambut.

Sumbangan tersebut adalah
hasil sumbangan orang ramai
melalui akaun WeCare di aplikasi
BIBD nexgen serta dari Tabung
Kebajikan Persatuan Kami Prihatin
(WeCare).

Majlis Kesejahteraan Masyarakat
(MKM) pula menyumbangkan
sejumlah BND20,985.12 yang
telah disampaikan oleh Yang
Di-Pertua MKM, Awang Mohd.
Yusof Shaik bin Abdul Halim.

Sumbangan tersebut adalah
hasil kutipan daripada aktiviti

jualan amal yang diadakan di
Supasave Mabohai dan Bandar
Seri Begawan pada bulan
Disember 2023.

Tempoh kutipan Tabung
Kemanusiaan Rakyat Palestin
di Gaza 2023 telah dilanjutkan
selama tiga bulan lagi, iaitu
sehingga 18 April 2024 bagi
memberi peluang kepada orang
ramai untuk meneruskan aktiviti-
aktiviti amal dan sumbangan
derma kepada rakyat Palestin di
Gaza.

Orang ramai yang berhasrat
untuk mengadakan kutipan
derma bagi tabung berkenaan
hendaklah memohon kebenaran
terlebih dahulu daripada Jabatan
Pembangunan Masyarakat
selaku Urus Setia Jawatankuasa
Kebangsaan Tabung Kemanusiaan
Rakyat Palestin di Gaza 2023,
jika hasil kutipan bersih (100%)
disumbangkan kepada tabung

berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan
agensi lain yang berdaftar ingin
menderma sebahagian sahaja dari
hasil kutipan bersih yang diperoleh
dari mengadakan aktiviti-
aktiviti yang berbentuk hiburan
awam, adalah disarankan untuk
memohon kebenaran terlebih
dahulu daripada Kementerian Hal
Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang
berhasrat untuk memberikan
sumbangan juga boleh menderma
secara dalam talian melalui akaun
Bank Islam Brunei Darussalam
(BIBD), nombor akaun 00-001-01-
0089051 (Tabung Kemanusiaan
Rakyat Palestin di Gaza 2023)
atau melalui perkhidmatan BIBD
QuickPay dengan mengimbas
Kod QR yang boleh didapati di
poster-poster dan pelekat-pelekat
(sticker) Tabung Kemanusiaan
Rakyat Palestin di Gaza

2023.

Peti-peti tabung juga disediakan
di masjid-masjid, surau-surau dan
balai ibadat, bangunan bank-bank,
gedung-gedung perniagaan dan
bangunan-bangunan awam di
seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai
juga boleh menghantar derma
terus kepada Urus Setia Tabung
Kemanusiaan Rakyat Palestin
di Gaza 2023 di Bahagian
Pengurusan dan Pentadbiran,
Tingkat 2, Jabatan Pembangunan
Masyarakat (JAPEM), bangunan
KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar
Seri Begawan, Negara Brunei
Darussalam pada waktu pejabat.

Turut hadir bagi menyaksikan
penyerahan derma tersebut
ialah Setiausaha Tetap
(Kemasyarakatan), KKBS,
pegawai-pegawai daripada
JAPEM serta ahli-ahli daripada
agensi berkenaan.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN
TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

- 2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

100%

- 2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

A+

- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan

+

- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

✓

- 5 Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+



+673 7371961



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian WhatsApp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN

Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan NBD Ke-40, 24 Februari

>> Muka 1

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tertinggi bagi sambutan berkenaan telah membuat pemilihan Logo Khas bagi sambutan pada kali ini.

Dengan ini, dikongsikan logo SUT Hari Kebangsaan NBD Ke-40 dan tema SUT Hari Kebangsaan NBD Ke-40 ialah 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Logo dan tema serta huraiannya bolehlah didapat melalui laman sesawang Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di www.kkbs.gov.bn / www.mcys.gov.bn.

Orang ramai yang berhasrat untuk menggunakan logo berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Urus Setia Jawatankuasa Kerja SUT Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024.

Oleh itu, permohonan berkenaan termasuk bagi mendapatkan logo SUT Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024, yang mempunyai resolusi tinggi, bolehlah dipohonkan melalui e-mel urusetiahk@kkbs.gov.bn.

IBTE - BRUNEI LNG METERAI MOU PEMBANGUNAN KOMPETENSI KEMAHIRAN TEKNIKAL

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



>> Muka 1

"Kami menjangkakan akan memberi manfaat kepada lebih daripada 700 pelajar dan juruteknik menjelang 2035, membentuk tenaga kerja mahir untuk industri tenaga Negara Brunei Darussalam.

"Ini menegaskan komitmen kami untuk mengekalkan dan meningkatkan perkongsian kami yang berjaya, menyumbang kepada kemajuan negara kita melangkaui 2035.

"Kami berterima kasih kepada IBTE atas kepercayaan mereka dan menantikan masa depan yang menarik bersama-sama di Brunei LNG," ujarnya lagi.

Pada majlis berkenaan, menandatangani bagi pihak IBTE ialah Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli, dan Pengetua Pusat IBTE, Dr. Suhaimi bin Haji Abdul Wahab.

Manakala bagi pihak Brunei LNG ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif Brunei LNG, Dayang Hajah Melissa, dan Pengurus Sumber Manusia, Perhubungan Luar, Hartanah dan Kemudahan Brunei LNG, Dayang Mizan Adiliah binti Haji Mohamad Deli.

MoU berkenaan dihasratkan untuk kedua-dua belah pihak berkolaborasi bagi penggunaan kemudahan latihan IBTE bertempat di Bengkel Mekanikal, IBTE Kampus Sultan Bolkiah bagi menjalankan program latihan HNTec in Mechanical Engineering, program latihan Engineering Technician Progression Scheme (ETPS), dan lain-lain program latihan pada masa akan datang.

Selain itu, ia juga dihasratkan agar kedua-dua belah pihak untuk saling membantu dalam memberikan latihan pembangunan kemahiran kepada para pelatih IBTE dan Brunei LNG termasuk



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Menandatangani MoU yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei (atas, kiri dan bawah).

latihan industri yang dipersetujui bersama.

MoU berkenaan juga membolehkan pertukaran ilmu dan pembangunan kompetensi kemahiran pelatih antara IBTE dan Brunei LNG agar kedua-dua belah pihak dapat saling membantu dalam memberikan latihan pembangunan kemahiran kepada para pelatih IBTE dan Brunei LNG.

Kedua-dua belah pihak juga akan bersetuju dalam penyediaan peralatan-peralatan yang diperlukan bagi tujuan latihan di IBTE Training Facility.

Brunei LNG juga adalah salah satu rakan industri IBTE yang membantu memperkembangkan dan menilai program-program IBTE melalui BLNG Learning and Development Department agar program-program IBTE yang berkaitan memenuhi syarat-syarat dan keperluan industri.



Memperkuuh pengawalseliaan, urus tadbir tenaga nuklear

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Sebagai langkah penting untuk meningkatkan tadbir urus nuklear, Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan, dan Alam Sekitar (SHENA) Negara Brunei Darussalam (NBD), dengan kerjasama International Atomic Energy Agency (IAEA) menganjurkan bengkel selama dua hari dengan memberi tumpuan kepada kepentingan rangka undang-undang dan kawal selia dalam pengurusan tadbir penggunaan tenaga nuklear secara aman.

Acara yang diadakan di Hotel Radisson bermula hari ini hingga esok itu, mempamerkan langkah dan usaha penting dalam memastikan penggunaan aplikasi radiasi dan nuklear yang selamat dan terjamin di negara ini.

Pada hari pertama bengkel tersebut, hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Datin Paduka Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abdul Ghani selaku tetamu kehormat.

Manakala, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Interim SHENA, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Taufik telah merasmikan bengkel berkenaan.

Dalam ucapan pembukaannya, Awang Haji Mohd. Yusof menarik

perhatian khusus kepada keperluan untuk mengurus aktiviti nuklear melalui perundangan.

Beliau menekankan bahawa keadaan keselamatan dan langkah-langkah perlindungan yang diperlukan oleh sifat aktiviti nuklear yang unik memperkenalkan pelbagai kompleksiti kepada sistem kawal selia konvensional.

Tambah beliau lagi, semasa bengkel tersebut, matlamat bengkel ini adalah untuk melengkapkan semua dengan pemahaman yang mendalam dengan kepentingan undang-undang yang komprehensif berkaitan dengan penggunaan nuklear dan radiasi.

Dengan keahlian NBD di IAEA sejak 18 Februari 2014, bengkel ini menggambarkan sokongan dan bantuan berterusan yang diberikan oleh pihak IAEA.

Lebih 40 peserta termasuk wakil dari agensi kerajaan dan pihak-pihak yang berkepentingan hadir dalam sesi pembentangan pakar IAEA termasuk mengenai elemen undang-undang nuklear kebangsaan yang komprehensif dengan kajian kes antarabangsa.

ra peserta juga berpeluang dalam perbincangan kumpulan yang diketuai oleh pakar dari IAEA mengenai topik rangka perundangan antarabangsa bagi liabiliti nuklear.



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Bengkel merupakan salah satu inisiatif dari pihak IAEA untuk memberikan bantuan dalam memperkuuhkan perundangan kepada negara-negara ahli IAEA melalui Program Kerjasama Teknikal.

La bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pihak-pihak yang berkepentingan utama mengenai kepentingan penubuhan rangka undang-undang dan pengawalseliaan nuklear yang kukuh di negara untuk mengawal semua aplikasi yang berkaitan

dengan nuklear dalam NBD.

La juga memberikan peluang untuk perbincangan mengenai empat pilar undang-undang nuklear dan instrumen perundangan yang diterima pakai di bawah naungan IAEA.

Ini adalah penting bagi memastikan penggunaan selamat, terjamin, dan aman bagi aplikasi yang berkaitan dengan nuklear yang sedia ada dan terancang melalui rangka tersebut.

Selepas bengkel tersebut, sesi perbincangan dua hala turut

dianjurkan untuk membolehkan pihak IAEA, SHENA dan pihak-pihak berkepentingan negara yang berkaitan membincangkan dan mengenal pasti sebarang peluang untuk mengukuhkan undang-undang nuklear kebangsaan yang sedia ada - Akta Perlindungan Sinaran, Bab 228.

Ini bertindak sebagai penggerak untuk penguatkuasaan piawaian keselamatan dan keamanan nuklear yang ketat di NBD untuk perlindungan pekerja, masyarakat, dan alam sekitar.

TIMBA PENGETAHUAN TENTANG PEMELIHARAAN KERTAS MANUSKIP, PENJILIDAN



PEMANGKU Pengarah Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus semasa berucap.

Oleh : Marlinaawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Jabatan Muzium-Muzium melalui Bahagian Pemeliharaan dan Pembelaian serta Arkib Negara Brunei Darussalam mengadakan Bengkel Asas Pemuliharaan Manuskrip dan Proses Penjilidan yang bertujuan untuk memberi pendedahan, kefahaman, kesedaran serta penyebaran maklumat mengenai kerja dan kaedah pemeliharaan kertas manuskrip dan penjilidan.

Bengkel selama lima hari itu bermula hari ini, bertempat di Dewan Teater PM Sharifuddin, Bangunan Arkib Negara Brunei Darussalam.

Perasmianya telah disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti

Haji Wahsalfelah, selaku tetamu kehormat.

Semasa berucap, Pemangku Pengarah Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus menyentuh mengenai faedah bengkel kepada para peserta termasuk memberi pendedahan serta kefahaman dalam aspek-aspek berkaitan pemuliharaan dan penjilidan, dan juga kesedaran bahawa kerosakan manuskrip di jabatan-jabatan dan bahagian masing-masing akan dapat dipulihara.

Menurutnya, bengkel berkenaan merupakan kesinambungan daripada bengkel yang pernah dianjurkan pada tahun 2012, 2018 dan 2020.

"Bengkel pada tahun ini akan tertumpu kepada pemeliharaan bahan kertas yang menjurus kepada pemeliharaan manuskrip dan proses penjilidan.

"Pada tahun ini tema bengkel ini ialah 'Mempertahankan Khazanah Warisan Bangsa' yang menekankan kepentingan manuskrip sebagai khazanah Negara yang patut dijaga dan dipelihara untuk rujukan generasi akan datang," katanya.

Beliau menambah, bengkel tersebut akan memberi pendedahan mengenai latihan asas tentang kaedah pemeliharaan kertas dan penjilidan secara teori dan praktikal termasuk mengadakan beberapa siri lawatan antaranya ke Bahagian Pemeliharaan dan Pembelaian, Bahagian Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium dan penBorneo, Pusat Sejarah Brunei.

"Sehubungan itu, pemeliharaan manuskrip ini merupakan satu kepentingan dan keutamaan terutama sekali untuk mencegah bahan daripada kerosakan dan mengekalkan keaslian bahan.

PEMANGKU Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat semasa menyempurnakan perasmian bengkel berkenaan (kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada bengkel tersebut.

"Manakala penjilidan pula adalah penting untuk memelihara dan menjilid bahan kertas dengan tujuan melindungi koleksi dari kerosakan.

"Dengan adanya pemuliharaan manuskrip secara fizikal ini, manuskrip asal dapat terus dipelihara dengan baik dan selamat untuk jangka masa yang panjang," ujar beliau.

Selain itu, jelasnya, objektif bengkel ini adalah untuk mewujudkan kefahaman dan kesedaran serta penyebaran maklumat tentang tugas-tugas yang menjurus kepada kerja-kerja pemuliharaan terhadap koleksi yang bernilai khususnya manuskrip kepada peserta-peserta bengkel yang bertugas sebagai pengendali atau penjaga bahan manuskrip.

"Bengkel Asas Pemuliharaan Manuskrip dan Proses Penjilidan ini diharap akan dapat memberi pengetahuan dan latihan kepada pegawai dan kakitangan jabatan yang kurang berkemahiran dalam hal pemuliharaan manuskrip dan penjilidan serta mendidik generasi muda sebagai pelapis yang berkemahiran seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

"Adalah diharapkan bengkel ini akan menjadi titik tolak untuk berkongsi pengetahuan, hasil penyelidikan, amalan terbaik dalam bidang pemeliharaan dan memupuk banyak lagi kerjasama antara pihak-pihak berkepentingan



dalam mempromosikan kepentingan memelihara warisan sejarah kita untuk generasi akan datang," katanya.

Seramai 45 peserta yang terdiri daripada 15 jabatan-jabatan kerajaan menyertai bengkel berkenaan.



Memartabatkan tulisan Jawi, seni khat di NBD

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghania
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) sebagai pusat pengkajian dan penyimpanan bahan sejarah mempunyai pelbagai bahan sumber bertulisan Jawi lama yang sukar untuk difahami antaranya manuskrip lama, surat perjanjian, buku nadir, salasilah dan sebagainya.

Bertitik tolak daripada itu, Bahagian Perpustakaan dan Pembelajaran, PSB mengungkayahkan penganjuran Bengkel Membaca Tulisan Jawi Lama dalam manuskrip secara dalaman (*in-house*) bermula hari ini hingga 24 Januari 2024.

Hadir selaku tetamu khas pada Majlis Pembukaan Bengkel yang berlangsung di Galeri Sejarah pusat berkenaan, Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohd. Faisal bin Haji Mat Salleh.

Sementara itu, Awang

Mohd. Faisal dalam ucapannya menjelaskan, tulisan Jawi atau seni khat Jawi merupakan sebuah khazanah dan warisan kesenian tamadun Islam yang sangat berharga dan sinonim dengan identiti Melayu amnya dan khususnya di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menurutnya, ia mempunyai nilai estetika yang tinggi serta sistem ejaan dan tulisan yang menarik, unik dan klasik.

Beliau seterusnya menyatakan, penyelenggaraan bengkel berkenaan adalah merupakan salah satu usaha yang penuh berkebajikan dan bermanfaat dalam memberikan ilmu pengetahuan, kemahiran, tatacara dan kaedah membaca kepelbagaiannya tulisan dan aksara manuskrip Jawi lama kepada para peserta.

Jelasnya lagi, adapun tujuan bengkel berkenaan dilaksanakan

adalah untuk mendukung matlamat PSB sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei yang memainkan peranan penting dalam pengkajian dan penyimpanan bahan dan sumber sejarah.

Oleh yang demikian katanya, adalah sangat diharapkan dengan kepakaran dan kemahiran yang ada pada para fasilitator berkenaan akan dapat mengembangluaskan lagi minat dan usaha para peserta untuk terus mempelajari tatacara dan kaedah pembacaan tulisan Jawi dengan lebih mendalam, terperinci dan bersistem.

Bengkel berkenaan disertai seramai 21 peserta yang dibukakan kepada para pegawai dan kakitangan PSB dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP); dan Jabatan Muzium-Muzium Brunei (JMM).

Bengkel selama dua hari berkenaan akan dikendalikan dan ditunjuk cara oleh tiga fasilitator, iaitu Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajaran Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan (KUPU SB), Awang Azman bin Haji Kassim; Penolong Kanan Profesor KUPU SB, Dr. Haji Harapandi bin Dahri; dan Jurutulis Jawi, PSB, Awang Alomsa Nor Adzmin bin Haji Alli Omar.

Para peserta juga didekah dengan kaedah pembacaan Jawi lama dalam manuskrip Melayu dan jenis-jenis huruf khat yang digunakan.

Bengkel berkenaan juga turut melengkapi para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam

membaca serta mengenal jenis tulisan aksara manuskrip Jawi lama di samping menyediakan platform kepada para peserta bertukar idea dan berbincang mengenai cabaran dalam membaca manuskrip Jawi lama.

Antara objektif bengkel berkenaan diadakan adalah untuk memartabatkan tulisan Jawi dan seni khat di NBD.

Selain itu, ia bagi memperkenalkan kepada para peserta tentang manuskrip Jawi lama dan kepentingan sejarahnya.

Diharapkan melalui bengkel berkenaan ia akan memberi manfaat dan juga membantu para peserta bengkel untuk menimba ilmu serta memahirkan diri dalam bidang pembacaan tulisan Jawi lama yang sukar difahami.



PEMANGKU Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohd. Faisal bin Haji Mat Salleh selaku tetamu khas pada Bengkel Membaca Tulisan Jawi Lama.



ANTARA yang hadir pada bengkel berkenaan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Android on the App Store Google play

Smartphone showing the PenggunaBijak app interface with various food items and price details.

TANAMKAN NILAI PATRIOTIK, SOLIDARITI

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



KETUA Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris semasa menyampaikan taklimat (kanan). Manakala gambar atas, Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Awang Moss bin Mat Juni, serta para tenaga pengajar sekolah hadir pada taklimat tersebut.

MULAUT, Selasa, 23 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik pagi tadi mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Sayyidina Hasan.

Taklimat yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan dihadiri oleh seramai 199 penuntut Tahun 7.

Juga hadir, Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Awang Moss bin Mat Juni, serta para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat disampaikan oleh



Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, yang antara lain menerangkan mengenai raja, tatacara menaik kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Para penuntut juga teruja

menaksikan tayangan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai kuiz kenegaraan dan menerima hadiah-hadiah sumbangan Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah berkenaan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Di samping itu, ia juga diharaskan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Taklimat ketengahkan hala tuju kerjaya pelajar



JABATAN Kemajuan Pelancongan, KSSUP, mengadakan Taklimat Kerjaya dalam Industri Hospitaliti dan Pelancongan di Sekolah Menengah Masin.

Siaran Akbar dan Foto: Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Taklimat Kerjaya dalam Industri Hospitaliti dan Pelancongan di Sekolah Menengah Masin.

Ia bertujuan untuk mendidik dan memberi inspirasi kepada belia generasi akan datang mengenai profesional Hospitaliti dan Pelancongan.

Ceramah kerjaya tersebut dihadiri oleh lebih 100 pelajar.

Ceramah dianjurkan bagi merancang hala tuju kerjaya untuk pelajar-pelajar, menyampaikan pandangan dan peluang berharga untuk mereka yang bercita-cita untuk membina kerjaya dalam bidang Hospitaliti dan Pelancongan.

Acara dianjurkan dengan kerjasama pakar industri dan

profesional dari Hotel Roomz, TravelHub Tours and Travel Sdn. Bhd. dan Royal Brunei Culinary, menawarkan kepada para pelajar pemahaman yang mendalam mengenai keperluan, kemahiran, kelayakan dan pengalaman penting yang diperlukan untuk kerjaya dalam industri ini.

Di samping itu, sesi itu turut mengetengahkan hala tuju pendidikan, di mana individu boleh mendapatkan kapakaran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memulakan kerjaya dalam Hospitaliti dan Pelancongan.

Jabatan ini akan menganjurkan lebih banyak ceramah kerjaya dengan sekolah-sekolah dan institusi-institusi Negara Brunei Darussalam untuk menyediakan pelajar dengan pemahaman yang mendalam mengenai peluang-peluang yang ada kepada mereka.

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.


Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



SMARTER BRUNEI TERIMA SUMBANGAN PERKHIDMATAN INTERNET

■ Siaran Akbar dan Foto : Progresif Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Muara Maritime Services (MMS), Progresif Sdn. Bhd. dan SMARTER Brunei meraikan kerjasama yang penting dalam Majlis Penyerahan Rasmi di mana menandakan kejayaan pelaksanaan sambungan internet yang dipertingkatkan untuk manfaat pelajar dan guru di SMARTER Brunei, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Urusan Komersial Perkhidmatan Maritim Muara, Awang Haji Mohamed Zainol Bahrin bin Haji Mohd. Ja'afar; Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar dan Naib Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif

SMARTER Brunei, Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah serta pengurusan dan pasukan daripada pihak berkepentingan masing-masing. MMS telah bekerjasama dengan Progresif dalam menyokong inisiatif 'Adopt a School' melalui Fasa 2 Kempen Donate Data Progresif.

Perkongsian strategik ini, bertujuan untuk menyokong SMARTER Brunei, sebuah pertubuhan bukan keuntungan (*non-profit organization*) yang berdedikasi untuk membantu individu autisme, menumpukan pada peningkatan infrastruktur digital dan keupayaan ketersambungan.

Perkongsian ini menunjukkan

tanggungjawab kolektif MMS dan Progresif terhadap masyarakat. Kedua-dua syarikat berdedikasi untuk menggunakan sumber dan kepakaran mereka untuk memberi impak positif dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat inklusif digital.

MMS telah bermurah hati menaja perkhidmatan Wi-Fi Connectivity selama setahun yang disediakan oleh Progresif Sdn. Bhd. kepada SMARTER Brunei. Penajaan ini memberi manfaat khusus kepada Pusat SMARTER E.D.G.E yang terletak di Kampung Mata-Mata dan bertujuan untuk meningkatkan serta memajukan kemahiran pembelajaran kanak-kanak yang belajar di pusat tersebut.

Menyedari bahawa kanak-kanak sering berkembang maju sebagai pelajar visual, inisiatif ini mengakui bahawa peningkatan dan penerokaan digital secara relatifnya penting bagi pelajar, untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka dan menyelaras aktiviti mereka di sekolah.

"Kempen Donate Data berdiri sebagai asas dedikasi kami untuk melengkapkan komuniti pembelajaran digital dengan sumber dalam talian yang penting, terutamanya sambungan Wi-Fi, untuk menyokong pendidikan berkualiti sejajar dengan wawasan Wawasan Brunei 2035. Mengambil komitmen ini, selangkah lebih jauh, kami memperkenalkan 'Adopt a School' pada 2021, menjemput



MUARA Maritime Services (MMS), Progresif Sdn. Bhd. dan SMARTER Brunei meraikan kerjasama yang penting dalam Majlis Penyerahan Rasmi di SMARTER Brunei (atas dan kiri).

syarikat terkemuka, seperti MMS, untuk menaja sekolah dan menyumbang kepada peningkatan sistem pendidikan tempatan kami," ujar Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih yang tulus kepada MMS atas sokongan mereka terhadap inisiatif ini. Kami juga ingin merakamkan penghargaan atas sokongan tidak berbelah bahagi kepada Kementerian Pendidikan terhadap Kempen Donate Data.

"Sumbangan mereka memainkan peranan penting dalam menjayakan kempen ini dan memberi kesan, memastikan sumber penting sampai kepada mereka yang memerlukan. Terima kasih atas komitmen berterusan anda untuk membuat perubahan positif dalam komuniti kami," tambahnya.

Kempen 'Adopt a School' merupakan satu inisiatif yang tertumpu kepada penajaan

sambungan internet, yang difasilitasi oleh pihak berkepentingan di Negara Brunei Darussalam. Pemilihan sekolah telah ditetapkan dan disenaraikan oleh Kementerian Pendidikan, memperkemaskan proses untuk pihak berkepentingan memberi sumbangan bermakna kepada peningkatan sumber internet dalam pendidikan.

Sementara itu, Kempen 'Adopt a School' Fasa 1 Kempen Donate Data telah dilancarkan pada tahun 2021, yang diperjuangkan oleh Kementerian Pendidikan, di mana objektif teras kempen ini adalah untuk menyokong pembelajaran dalam talian dan gaya hidup digital yang dipertingkatkan untuk pelajar dan guru di seluruh negara.

Konsep dalam inisiatif Fasa 1 ialah sumbangan sumbangan orang ramai melalui SMS yang kemudiannya ditukar kepada nilai data, ditaja kepada sekolah yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan.



Pembayaran pakej haji DSSB bermula



DARUSSALAM Services Sdn. Bhd. (DSSB) mengumumkan bahawa pembayaran Pakej Haji DSSB 2024 telah bermula dari 19 hingga 31 Januari 2024.

■ Siaran Akbar dan Foto: Darussalam Services Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) mengumumkan bahawa pembayaran Pakej Haji DSSB 2024 telah bermula dari 19 hingga 31 Januari 2024 ini.

Kutipan bayaran haji daripada bakal jemaah haji telah mendapat kebenaran daripada Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tarikh pembayaran dijadualkan mengikut pakej haji yang mana bermula Sabtu, 20 hingga 23 Januari 2024, jemaah Haji Pakej Delima dan Safira telah membuat

pembayaran masing-masing.

Sementara pembayaran bagi Pakej Zamrud akan diteruskan pada 23 hingga 26 Januari bermula dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

DSSB juga mengumumkan bahawa pendaftaran masih dibuka untuk Jemaah Haji Brunei yang ingin mendaftar dengan Pakej Haji DSSB pada tahun 2024, mereka dinasihatkan untuk datang ke Pejabat DSSB yang terletak di Tingkat Bawah, The Airport Mall, dengan membawa bersama dokumen lengkap seperti salinan pasport terkini.

Penyata bank Akaun Simpanan Haji (TAIB) atau (BIBD), salinan kad pengenalan, resit bayaran deposit, dan dokumen lain yang berkaitan seperti sijil nikah dan sijil kelahiran.

Untuk sebarang pertanyaan lain, bakal jemaah haji boleh datang ke Pejabat DSSB atau hubungi talian +673 2231964 atau +673 2231965 atau WhatsApp +673 8988509.

DSSB dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang pengurusan Haji, berdedikasi untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada setiap pelanggannya, dan komited untuk memberikan pengalaman perjalanan Haji yang selesa, yang menjadi keutamaan.

Kursus Ibadat Haji bermula 26 Januari

■ Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah akan mengadakan Kursus Ibadat Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M sebanyak 10 sesi di lapan buah sekolah Ugama dan Arab yang terpilih di seluruh Negara.

Kursus tersebut bermula jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi dan tarikh kursus seperti mana di dalam rajah.

Tempat Kursus bagi Daerah Brunei dan Muara akan diadakan di Sekolah Ugama Lambak Kanan, Jalan 1, Kampung Perpindahan Lambak Kanan; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Kampung Berakas; dan Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar.

Bagi Daerah Belait akan diadakan di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien Kuala Belait; dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Pekan Seria, Kuala Belait.

Daerah Tutong akan diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong dan bagi Daerah Temburong akan diadakan di Sekolah Persediaan Arab Bangar Temburong.

Sehubungan dengan itu, bakal-bakal jemaah haji adalah dialu-alukan hadir untuk mengikuti kursus tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan di atas.

SESI	HARI	TARIKH HIJRAH	TARIKH MASIHI
1	Jumaat	14 Rejab 1445	26 Januari 2024
2	Ahad	16 Rejab 1445	28 Januari 2024
3	Jumaat	21 Rejab 1445	02 Februari 2024
4	Ahad	23 Rejab 1445	04 Februari 2024
5	Jumaat	06 Sya'ban 1445	16 Februari 2024
6	Ahad	08 Sya'ban 1445	18 Februari 2024
7	Ahad	15 Sya'ban 1445	25 Februari 2024
8	Jumaat	20 Sya'ban 1445	01 Mac 2024
9	Ahad	22 Sya'ban 1445	03 Mac 2024
10	Jumaat	27 Sya'ban 1445	08 Mac 2024

BANTU TINGKATKAN STOK BEKALAN DARAH NEGARA

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat

Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara adalah pada tahap yang rendah. Penderma darah bagi semua Kumpulan Darah 'A', 'B', 'AB'

dan 'O' adalah sangat diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Orang ramai yang ingin menderma darah bolehlah berkunjung terus ke Pusat Pendermaan

Darah atau Tabung-tabung Darah yang berdekatan, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang pada hari-hari bekerja sahaja.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah di beberapa buah lokasi yang telah ditetapkan.

Kempen-kempen tersebut akan diadakan pada Isnin, 22 Januari dan Selasa, 23 Januari 2024 di OneCity Shopping Centre bersempena dengan Jubli Perak Penubuhan SETIA Protective Security Services (SPSS) Sdn. Bhd. bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula jam 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Manakala pada Rabu, 24 Januari 2024 di Tingkat 1, Bangunan Utama The CORE Residential College, Universiti Brunei Darussalam bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung semula jam 1.00 petang hingga 3.00 petang.

Sementaraitu, Khamis, 25 Januari 2024 di SCR Xpress Citis Square, Berakas anjuran Petar Perunding Sdn. Bhd. bermula 9.30 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula jam 1.00 petang hingga 3.00 petang dan pada Sabtu, 27 Januari 2024 di Pesta Consumer Fair 2024 di Dewan Delima, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Kempen-kempen berikut adalah dibuka bagi penyertaan orang ramai dan tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

TARIKH & MASA	TEMPAT
Isnin dan Selasa 22 hingga 23 Januari 2024 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.00 petang hingga 3.00 petang	OneCity Shopping Centre Sempena Jubli Perak Penubuhan SETIA Protective Security Services (SPSS) Sdn Bhd
Rabu 24 Januari 2024 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari Dan 1.00 petang hingga 3.00 petang	Tingkat 1, Bangunan Utama The CORE Residential College, Universiti Brunei Darussalam
Khamis 25 Januari 2024 9.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang	SCR Xpress Citis Square, Berakas Anjuran Petar Perunding Sdn Bhd
Sabtu 27 Januari 2024 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Pesta Consumer Fair 2024 Di Dewan Delima, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.



Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



MINDA PEMBACA

Meningkatkan kecemerlangan dalam pendidikan

TAHAP pendidikan negara berkait rapat dengan pembangunan sesebuah negara. Bidang pendidikan merupakan nadi penggerak untuk menjana dan meningkatkan tamadun sesuatu bangsa. Oleh itu, kecemerlangan dalam pendidikan perlu dititikberatkan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Kecemerlangan dalam pendidikan bukan bermaksud kecemerlangan dalam memperoleh keputusan yang terbaik di dalam peperiksaan sahaja. Namun, ia merangkumi aspek yang lebih luas yang melibatkan proses perubahan yang berterusan dan transformasi ke arah yang lebih baik dan proses ini tidak ada pengakhirannya.

Di Brunei Darussalam, pelbagai

inisiatif dan usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan secara berterusan dalam memberikan perkhidmatan terbaik yang bertujuan untuk membina kecemerlangan pelajar dari segi kecemerlangan akademik dan insani pelajar supaya para pelajar menerima pendidikan yang seimbang.

Selain daripada usaha Kementerian Pendidikan secara amnya, kecemerlangan dalam pendidikan juga dapat ditingkatkan dengan usaha khusus warga sekolah iaitu pengetua sekolah dan guru-guru, ibu bapa dan pelajar itu sendiri. Pengetua sekolah berperanan penting sebagai pentadbir, pengurus dan pemimpin sesebuah sekolah. Salah satu ciri seorang pengetua yang efektif ialah mempunyai semangat dan cita-cita

tinggi dan sentiasa mencari idea-idea baru untuk meningkatkan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran.

Antara peranan guru ialah menggunakan kaedah, teknik dan inovasi pengajaran yang berkesan dan relevan dengan pendidikan semasa serta melaksanakan kurikulum yang telah ditetapkan oleh sekolah. Selain itu, ibu bapa haruslah berganding bahu bermuafakat bersama pihak sekolah berkaitan pembelajaran pelajar dan memikirkan solusi bagi sebarang permasalahan.

Manakala para pelajar perlu menggunakan kemudahan yang telah disediakan dengan sebaik mungkin dan menumpukan perhatian dalam pembelajaran. Sekiranya mempunyai

kesukaran dalam pembelajaran, pelajar hendaklah meminta tunjuk ajar daripada guru atau pun mengadukan masalah kepada ibu bapa untuk diselesaikan bersama-sama.

Kecemerlangan dalam pendidikan dapat ditingkatkan lagi dengan usaha-usaha gigih yang berterusan dari pelbagai pihak. Melalui pendidikan yang cemerlang, modal insan yang berkualiti dapat dilahirkan dan seterusnya akan dapat membangun dan memajukan negara, hebat serta berdaya saing selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Nama : Nur Risalah binti Rusli
No K/P : 01-072XXX



Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2024
2. 'Jangan Leka Dengan Jenayah Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2024
3. 'Mengukuhkan Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



IRSYAD HUKUM

جَنَاحَاتُ مَعْنَى كِلْجَان
جَانِقَنْ بِيَنْ كِلْجَان

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Keluaran Kedua

Bekas Suami Meminang Bekas Isteri Yang Menjalani 'Iddah'

PENGHARAMAN meminang dengan lafaz *tashrih* atau dengan lafaz *ta'ridh* yang dijelaskan sebelum ini adalah jika yang meminang itu bukan bekas suami

ADAPUN jika bekas suaminya yang meminangnya, maka jika bekas isteri itu harus untuk dinikahi oleh bekas suaminya, harus bagi bekas isteri itu atau walinya menjawab pinangan bekas suaminya dengan lafaz *tashrih* dan juga lafaz *ta'ridh*.

منجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
کلولان فوسته دعوه اسلاميه

SLAM memandang perbuatan *riya'* sebagai suatu wabak yang cukup bahaya dan mengancam kemurnian akidah dan iman serta merosakkan nilai keikhlasan hati dan keluhuran akhlak. Secara ringkasnya *riya'* adalah suatu perbuatan yang tersembunyi di dalam hati, perasaan dan peribadi seseorang dengan niat dan tujuan tertentu.

Pada hakikatnya orang yang melakukan *riya'* bertujuan untuk memperlihatkan kehebatan, kebaikan, perjuangan dan amalannya. Dengan kata lain, *riya'* merupakan perbuatan yang sia-sia kerana mengandungi unsur kepura-puraan serta berniat tidak baik terhadap orang lain. Mereka akan sentiasa mencari-cari peluang untuk dipuji dan sentiasa dalam keadaan berpura-pura di depan orang. Jika dipuji, ia akan menambah amalannya tetapi jika dikeji, ia akan mengurangkan amalannya. Jadi, *riya'* merupakan senjata akhir bagi syaitan untuk menewaskan orang-orang yang rajin beribadah sehingga mereka tersesat dan amal-amalnya tidak sampai ke hadapan Allah Subhanahu Wata'ala.

Beberapa faktor yang mendorong seseorang bersikap *riya'* dalam kehidupan sehari-hari antaranya ialah ingin mendapat kemegahan dan kemasyhuran, tidak mengetahui akibat dan azab Allah Subhanahu Wata'ala, lupa terhadap kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan

Meminang Perempuan Dalam 'Iddah

bagi perempuan dalam 'iddah. Adapun jika yang meminang perempuan dalam 'iddah itu ialah bekas suami bagi perempuan tersebut, maka hukum meminang dengan lafaz *tashrih* atau dengan lafaz *ta'ridh* adalah bergantung kepada dua keadaan berikut:

i. Jika bekas isteri itu harus untuk dinikahi oleh bekas suaminya, maka harus bagi bekas suami itu meminang bekas isterinya yang masih dalam 'iddah dengan lafaz *tashrih* dan juga lafaz *ta'ridh*. Sebagai contoh, harus bagi suami untuk meminang bekas isterinya yang dicerai secara khulu' dengan lafaz *tashrih* dalam tempoh 'iddah.

Contoh lain lagi, jika isteri dicerai oleh suaminya secara talak *raj'i*, maka suami harus meminang bekas isterinya dengan lafaz *tashrih* yang disertai niat untuk menikahinya kerana perbuatan sedemikian dikira sebagai *ruju'* dengan lafaz *kinayah*. Dalam keadaan ini, jika lafaz meminang tersebut tidak diiringi dengan niat untuk menikahinya, maka tidak terjadi *ruju'* kerana suami yang hendak *ruju'* bersama isterinya yang

dicerai dengan talak *raj'i* hanya perlu melafazkan *ruju'* dan bukan melafazkan peminangan kerana suami tidak perlu bernikah semula dengan bekas isterinya yang masih dalam 'iddah kerana talak *raj'i*.

ii. Jika bekas isteri itu tidak harus untuk dinikahi oleh bekas suaminya, umpamanya isteri yang dicerai dengan talak tiga oleh suaminya, maka dia tidak harus dipinang oleh bekas suaminya dengan lafaz *tashrih*.

Dalam keadaan ini, bekas suaminya tidak harus meminang bekas isterinya yang dicerakannya dengan talak tiga itu sehingga berlaku perkara-perkara berikut:

- Isteri yang ditalak dengan talak tiga itu berkahwin lagi dengan lelaki lain dengan perkahwinan yang sah setelah tamat 'iddahnya daripada suami yang pertama;
- Berlaku persetubuhan antara isteri yang ditalak dengan talak tiga itu dengan suaminya yang baharu;
- Berlaku perceraian antara isteri yang ditalak dengan talak tiga itu dengan suaminya yang baharu itu.

Oleh yang demikian, jika isteri tersebut dicerai dengan talak *raj'i* oleh suaminya yang baharu, maka bekas suami yang pertama haram meminang bekas isterinya yang sedang dalam 'iddah daripada suami baharu itu sama ada dengan lafaz *tashrih* atau *ta'ridh* sehingga bekas isterinya itu selesai menjalani 'iddah. Walau bagaimanapun, jika isteri tersebut dicerai dengan talak *ba'in* oleh suaminya yang baharu, maka bekas suami yang pertama harus meminangnya dengan lafaz *ta'ridh* ketika bekas isterinya menjalani 'iddah daripada perceraianya daripada suami yang baharu.

Jawapan Perempuan Dalam 'Iddah Atau

Walinya Terhadap Pinangan

Adapun jawapan perempuan dalam 'iddah atau walinya terhadap pinangan lelaki, maka hukumnya dari segi bentuk lafadz, iaitu sama ada lafadz *tashrih* atau *ta'ridh* adalah sama seperti hukum peminangan lelaki tersebut terhadap perempuan dalam 'iddah seerti mana yang telah diterangkan sebelum ini. Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menjelaskan dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*, katanya:

Ertinya: *Dan (hukum) bagi jawapannya (perempuan dalam 'iddah) dan jawapan walinya (terhadap pinangan) adalah sama seperti hukum peminangan lelaki pada penjelasan yang telah disebutkan.*

Ini bererti perempuan dalam 'iddah atau walinya haram menjawab pinangan lelaki (selain bekas suaminya) dengan jawapan lafadz *tashrih* seperti katanya "Aku juga ingin menikahimu".

Adapun menjawab dengan lafadz *ta'ridh* seperti katanya "Aku juga suka kamu", maka jawapan sedemikian adalah haram bagi perempuan yang dicerai dengan talak *raj'i* atau walinya dan haram juga bagi perempuan yang dicerai dengan *infisakh* disebabkan suami yang murtad atau walinya, namun harus bagi selain kedua-duanya.

Adapun jika bekas suaminya yang meminangnya, maka jika bekas isteri itu harus untuk dinikahi oleh bekas suaminya, harus bagi bekas isteri itu atau walinya menjawab pinangan bekas suaminya dengan lafadz *tashrih* dan juga lafadz *ta'ridh*. Namun jika bekas isteri itu tidak harus untuk dinikahi oleh bekas suaminya, maka dia tidak harus menjawab pinangan bekas suaminya dengan lafadz *tashrih*.

Demikian penjelasan mengenai meminang perempuan dalam 'iddah.

Riya' merosakkan segala kebaikan

ditipu oleh hawa nafsu.

Riya' merupakan perbuatan tercela yang amat dibenci dalam agama Islam. Antara akibat daripada bersifat *riya'* ialah :

- Mendapat kutukan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ma'uun, ayat 4 - 6 mafhumnya :

"Maka celakalah orang-orang bersebahyang. (laitu) mereka yang lai lai terhadap sembahyang mereka. (Juga) mereka yang berkeadaan *riya'*".

- Merosak pahala dan amal kebajikan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 264 mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan (pahala) sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti seperti (rosaknya pahala) orang yang membelanjakan hartanya kerana *riya'* (menunjuk-nunjuk) kepada manusia dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka perumpamaan orang itu adalah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya kemudian batu itu ditimpak hujan yang lebat sehingga menjadikannya bersih licin (tidak bertahan lagi). (Demikian juga halnya orang-orang kafir dan *riya'* itu), mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun daripada apa yang mereka usahakan. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang kafir".

- Tidak mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan akhirat. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Barang siapa yang menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala dengan seseorang dalam suatu amal perbuatannya yang dia lakukan kerana Allah 'Azzawajalla, maka hendaklah dia meminta pahalanya selain dari Allah Subhanahu Wata'ala sama sekali tidak memerlukan sekutu dari segala sesuatu apapun".

- Menyebabkan syirik dan dibenci Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Abu Sa'id al-Khudri, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Suatu ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah keluar kepada kami kebetulan kami sedang berbicara tentang al-Masih ad-Dajjal, lalu Baginda bersabda : "Apakah aku belum khabarkan kepada kamu tentang sesuatu yang paling aku takuti bagi kamu semua daripada al-Masih ad-Dajjal?" Mereka menjawab : "Belum." Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Syirik Khafi (samar) iaitu seseorang yang mendirikan sembahyang, lalu dia memperindahkan sembahyangnya supaya dilihat orang".

- Tidak mendapat pahala amal kebajikan. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Adakalanya seseorang yang puasa itu tidak mendapat apa-apa dari puasanya itu kecuali merasai lapar dan adakalanya orang bangun malam (sembahyang) tidak mendapat pahala apa-apa dari bangunnya

*itu (sembahyang dengan *riya'*) kecuali tidak tidur".*

Justeru, kita sebagai umat Islam hendaklah sentiasa membersihkan hati, perasaan dan jiwa dalam menjalani kehidupan yang penuh cabaran dan dugaan. Di antara langkah untuk merawat atau mengatasi amalan *riya'* ini ialah dengan cara *mujahadah* iaitu penyerahan yang bersungguh-sungguh dalam menyingkirkan hawa nafsu dan syahwat, *muraqabah* iaitu memperhatikan perbuatan diri dan menjaga tepi kain sendiri dan taubat iaitu kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala setelah melakukan perbuatan maksiat atau meninggalkan perintah-perintah agama dengan cara memohon ampun (*beristighfar*) iaitu dengan menyesali akan perbuatan dosa yang telah dikerjakan dan berazam untuk tidak akan berbuat dosa lagi dan lebih rajin melakukan amal salih. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisaa', ayat 146 mafhumnya :

"Kecuali orang-orang yang bertaubat (daripada kemunafikan itu dengan sebenarnya taubat), memperbaiki amalan mereka (yang salah), berpegang teguh kepada (agama) Allah dan tulus ikhlas (mengerjakan ajaran) agama mereka kerana Allah, maka mereka yang demikian itu adalah bersama orang-orang yang beriman (tentang apa yang dianugerahkan kepada mereka) dan Allah akan mengurniakan orang-orang yang beriman pahala yang besar".

Oleh itu, marilah kita memperbaiki niat dan tekad dalam melakukan sesuatu amal kebajikan agar segala amalan tidak menjadi sia-sia dan memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

BDCB TERBIT SUKUK AL-IJARAH KE-227

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus dan mentadbir pengeluaran Sukuk Al-Ijarah dengan sukacitanya mengumumkan kejayaan penentuan harga bagi pengeluaran Sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek Ke-227.

Jumlah pengeluaran sukuk adalah sejumlah BND100 juta iaitu tarikh pengeluaran pada 18 Januari 2024, sementara tarikh matang adalah pada 18 April 2024 dalam jangka masa tenor selama 91 hari pada kadar sewa 3.4375 peratus.

Dengan pengeluaran tersebut, pihak kerajaan setakat ini telah mengeluarkan lebih BND16.68 bilion nilai Sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek, sejak tawaran pertama pada 6 April 2006 dan baki tertunggak pegangan jumlah Sukuk Kerajaan sehingga 18 Januari 2024, berjumlah BND355 juta.

Series	Issuance Date	Maturity Date	Tenor	Rental Rate
227	18 January 2024	18 April 2024	91 Days	3.4375%

Pengemaskinan kaunter perkhidmatan pendaftaran, pengambilan kad pengenalan

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Merujuk Siaran Akhbar Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) bertarikh 7 Disember 2022 mengenai pengemaskinan kaunter-kaunter perkhidmatan pendaftaran Kad-kad Pengenalan di Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Sehubungan dengan itu, JIPK memaklumkan bahawa bermula Khamis, 1 Februari 2024, kaunter pendaftaran dan pengambilan Kad Pengenalan bagi DBM untuk Kad Pengenalan Hijau yang pada masa ini beroperasi di Dewan Pengiran Lela Cheteria, Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, akan berpindah ke Aras Bawah, Bahagian Kad Pengenalan, Ibu Pejabat JIPK.

Manakala Kaunter Pendaftaran dan pengambilan bagi Kad Pengenalan Kuning dan Ungu yang pada masa ini beroperasi di Aras Bawah, Bahagian Kad Pengenalan, Ibu Pejabat JIPK akan berpindah ke Tingkat 3, Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat, JIPK.

Sehubungan itu, orang ramai boleh memuat turun (*download*) borang pendaftaran melalui laman sesawang JIPK iaitu www.immigration.gov.bn dan hendaklah melengkapkan borang dan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan sebelum hadir ke JIPK.

سوروهنجاۓ قرخمنت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari www.reruitment.gov.bn dan semak "Kalendar Saya"

Contact Information: +673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

Kenali Bahasa Brunei

Ikung bermaksud
1 ekor.
Contoh pemakaian kata : tujuh **ikung** samuanya anak ayam atau.
2 kiasan sentiasa ikut berpergian dan sebagainya, tentang orang biasanya kanak-kanak.
Contoh pemakaian kata : ka mana saja babunya bajalan, anaknya jadi **ikung**.

Ingau bermaksud
1 bingung.
Contoh pemakaian kata : **ingau** ku mandanger bungi gaplah bisdia, sampai salah kira-kiraan ku.
2 bimbang atau risau.
Contoh pemakaian kata : **ingau** atingku, Si Awang alum tia juu mulih lagi antadi.

Tatuang udara bermaksud radio.
Contoh pemakaian kata : mun lagi daulu, urang bausin ganya tadapat **tatuang** udara ani.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

Selera KAMPUNG Kitani

Mee Hoon Goreng Hati Buyah Kampung Buang Bulan

Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

BAHAN-BAHANNYA :
 100 gram hati buyah (yang sudah direbus dan digoreng serta dipotong-potong)
 1 kotak mee halus (yang sudah direbus dan toskan)
 5 ulas bawang merah
 2 ulas bawang putih
 1 sudu kecil lada kisar
 3 tangkai lada padi (dihiris)

2 tangkai lada hidup (dihiris)
 3 biji telur ayam
 Sayur sawi secukupnya
 Garam dan serbuk perasa
 1 sudu makan sos tiram
 Minyak untuk menumis

CARA-CARA MEMBUATNYA :
 Panaskan minyak dan tumis bawang sampai naik bau.

Masukkan lada kisar, kacau lagi, lepas itu masukkan telur dan gaul sebatи.
 Masukkan hati buyah, sawi, sos tiram dan masukkan mee.
 Masukkan kicap, secukup rasa dan garam.
 Gaul sebatи. Bila sebatи, angkat dan sedia untuk dihidang.

دعا موهن كقد الله سقايي ترسلامة در قد بلاء دان سكل جنيس فياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی ۴.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی ۴.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی ۴.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَاجْبَرْنَا.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَسِيْنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَّ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی ۴.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (dari pada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْهُ
سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَاتَ السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْهُ
إِلَّا يَإِذْنُهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يَنْهِي طُونَ شَيْءٍ قَنْ عِلْمَهُ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْبَيْسَيْهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَتُوَدُ
حَفْظَهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini (70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَادَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعَقْدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحُوَاجَّ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَالَاتِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ الْمَحَةِ
وَنَفْسٍ بِعَدِدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَّرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فِإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يعْ مباوا كبر او نتو عن ساعت بسر كقد قع عملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسِبْنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu juga, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah juga)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)



Pusat Pembangunan Belia
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
11 / 2023 / KKBS / PPB / 12 [R]

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal 24 Bulan
Bagi Pembekalan dan
Penghantaran Hadiah-Hadiah
Bagi Acara-Acara Program
Pembangunan Diri (Sukan,
Perbarisan dan Kerohanian)
Di Pusat Pembangunan Belia,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Jalan Utama Tanah Jambu,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat
jam 2.00 Petang,
Khamis
1 Februari 2024.



Tawaran

Bilangan Tawaran :
KK / 02 / 2024 / HTD

Keterangan :
One -Off Preventive
Maintenance Services
For Applied Biosystems Equipment
At Department Of Scientific
Services

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 03 / 2024 / PHARM

Keterangan :
The Supply And Delivery
Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 04 / 2024 / PHARM

Keterangan :
The Supply And Delivery
Of Medicines
For The Department Of
Pharmaceutical Services
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 05 / 2024 / SSBH

Syarat Penyertaan :
Konsultan Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Kepada :
A Qualified
Person Authorised
by Practising Certificate
issued by BAFEQS
at Ministry of Development

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 16 Januari 2024.

Dilanjutkan Kepada :
6 Februari 2024

Sepuluh (10) Bulan

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Barang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu hari Selasa, 13 Februari 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 20 Februari 2024
Jam 2.00 Petang



IKLAN

Keterangan :
The Provision Of Laundry Services
For Wards And Clinics
At Suri Seri Begawan
(SSB) Hospital For A Period
Of One (1) Year

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 06 / 2024 / JPK(TC)

Keterangan :
Domestic Waste Collection
And Disposal Services
For Sungai Liang And
Labi Health Centre
For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 07 / 2024 / JPKAS (TC)

Keterangan :
The Provision Of Security Services
For Health Screening
Centre Berakas
For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 08 / 2024 / HTD

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install,
Testing And Commissioning
Uninterrupted Power Supply (UPS)
For Pharmaceutical Refrigerator
For Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND50.00

Bilangan Tawaran :
KK / 09 / 2024 / UPP

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install And

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install,
Testing And Commissioning
Of Two (2) Units Of Portable
Ultrasound Machine
For Division Of
Respiratory Medicine (DORM)
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
(RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 10 / 2024 / UPP

Keterangan :
Supply And Delivery
Of Twenty-Two Sets
Of Phacoemulsification
Basic Set For
Eye Centre Clinic At
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
(RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 12 / 2024 / DSS

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install,
Test And Commission
One (1) Unit Of Inductive
Coupled Plasma
Optical Emission Spectrometer
System (ICP-OES)
For Food Chemistry Section,
Department Of Scientific Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND50.00

Bilangan Tawaran :
KK / 13 / 2024 / DSS

Keterangan :
To Supply, Deliver, Install And

Commission
One (1) Unit Of Gas
Chromatography - Flame
Ionization Detector With Head
Space Sampling System
For Food Chemistry Section,
Department Of
Scientific Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran :
KK / 14 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan :
To Supply And Deliver External
Quality Assurance (EQA) Program
For National Haematology
Reference Laboratory
And Haematology
Laboratory In KB,
Tutong And Temburong,
Department Of
Laboratory Services,
Ministry Of Health For A Period
Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran :
BND50.00

Tarikh Tutup :
6 Februari 2024
(Tidak Lewat Jam 2.00 Petang)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2023 / T / TU / 003 (CS) [JPPK
/ LTN / 14 / 2023]
Feasibility Study For
Proposed Air Strip
For Royal Brunei Armed Forces

Syarat Penyertaan :
Konsultan Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Kepada :
A Qualified
Person Authorised
by Practising Certificate
issued by BAFEQS
at Ministry of Development

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 16 Januari 2024.

Dilanjutkan Kepada :
6 Februari 2024

Sepuluh (10) Bulan

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Barang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu hari Selasa, 13 Februari 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 20 Februari 2024
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 /
T / BOL / 002
[JPPK / LTK / 20 / 2023]
Proposed New Covered Roof
At Royal Brunei Armed
Forces Museum,
Bolkiah Garrison

Tarikh Mula Tawaran:
22 Januari 2024

Kelas:
III atau Ke atas Sahaja

Kategori :
KA01 atau B01

Tempoh Penyiapan Kerja :



Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUUMM /
CONTRACT / 2024 / 1 / 4

Tajuk Tawaran :

Provision Of
Security Guard Services
For Law And Court Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam'

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Februari 2024
Tidak lewat
Jam 2.00 Petang



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam Di
Bandar Seri Begawan

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Kes No.
BCY / CP / 29 / 2014

Nama Penghutang - Dayang
Norsalam binti Haji Jamil (BYIC No.
00-076866) - **Alamat** - Unit No.1-
17, 1st Floor, Gadong Properties
Centre, BE4119, Negara
Brunei Darussalam, **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara
Brunei Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan No. 29 Tahun 2014.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 24%. Pertama atau
terakhir selainnya
Pertama **Bila Kena Dibayar** - 7
Disember 2023. **Di Mana**
Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
7 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 82 / 2017

Nama Penghutang - Hj
Baharuddin bin Hj Abd Ghani
(BYIC No. 00-075756) - **Alamat** -
No. 68, Jalan Haji Halus, Kg
Bunut, KM 8, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam,
Mahkamah - Mahkamah Besar,
Negara Brunei Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan No. 82 Tahun 2017.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 100%. Pertama atau
terakhir selainnya
Pertama **Bila Kena Dibayar** - 7
Disember 2023. **Di Mana**
Kena Bayar - Pejabat Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat 2,
Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
7 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 65 / 2014

Nama Penghutang - Siti
Hasnani @ Esna bte Awg Haji
Sa'adi (BYIC No.: 00-302705).
Alamat - No.11, Spg 74-73-4, Kg

Mata-Mata Gadong, Bandar Seri
Begawan, BE 1718, Negara Brunei
Darussalam. **Mahkamah** -
Mahkamah Besar, Negara
Brunei Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan No. 65 tahun 2014.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 100%. Pertama atau
terakhir selainnya
Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 7
Disember 2023. **Di Mana**
Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan
Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
7 Disember 2023

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Terakhir**

Kes No.
BCY / CP / 65 / 2014

Nama Penghutang - Siti
Hasnani @ Esna bte Awg Haji
Sa'adi (BYIC No.: 00-302705).
Alamat - No.11, Spg 74-73-4, Kg

Tarikh:
7 Disember 2023

Muhammad Syafiq
Bin Awang Hj Zakaria
Timbalan Pegawai
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 421 / 2019

**Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad**
- Pemutang / Pemelisyen

**Hjh Bibi Aidi Faezah
Bte Hj Junaidi**
[Kad Pengenalan Brunei No.
00-312271 - BYIC]
- Pengutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **13 Januari 2024**.

Nama dan alamat Bankrap:
Hjh Bibi Aidi Faezah Bte Hj Junaidi,
No. 3, Jalan 26,
RPN Kampung Rimba,
Gadong BE3319,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
27 November 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh:
15 Januari 2024

Dk Siti Nursu'aidah
Binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 271 / 2019

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad**
- Pemutang / Pemelisyen

Norhaini Binti Haji Hassan
[Kad Pengenalan Brunei
No. 00-304050- BYIC]
- Pengutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **7 Disember 2023**.

Nama dan alamat Bankrap:
Norhaini Binti Haji Hassan
Lot 5171, No.16, Spg 201,
Jln Kecil Kg Sg Bakong,
Lumut Kuala Belait, KC2935
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan:
6 Oktober 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh:
13 Januari 2024

Mohammad Marzuqi Bin Sabtu
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 304 / 2017

Baiduri Finance Berhad
(Previously Filed By The HSBC
Finance (B) Berhad
- Pemutang / Pemelisyen

**Mohammad Nazrul Safwan
Bin Bujang**
[Kad Pengenalan Brunei
No. 00-321017- BYIC]
- Pengutang / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Pengutang berikut pada **14 September 2017** telah dibatalkan pada **9 Disember 2023**.

Nama Pengutang :

Mohammad Nazrul Safwan
Bin Bujang

Alamat Pengutang:

No.1, Spg 363-29-73-5,
Kg Pandan C,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:

13 Januari 2024

Mohammad Marzuqi Bin Sabtu
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.

BCY / CP / 207 / 2023

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemelisyen

**Pengiran Noor Maliza Wati Binti
Pengiran Haji Md Salleh**
- (BYIC No. 00-255696)
- Pengutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **26 Oktober 2023**.

**Nama Dan Alamat
Terakhir Diketahui :**

Pengiran Noor Maliza Wati
Binti Pengiran Haji Md Salleh
No. 17, Spg 7,
Jln Sungai Carana,
RPN Mengkubau, Mukim Mentiri,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :

30 Ogos 2023

b.) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Pengutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Pengutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh :

13 Januari 2024

**Notis Kepada Pemutang
untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 Disember 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 19 Februari 2024, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-buktamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi pengutang adalah ditetapkan pada **19 Februari 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal pengutang semasa pemeriksaan awam pengutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :

13 Januari 2023

Mohammad Marzuqi Bin Sabtu
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 86 / 2018

BIBD At-Tawwil Berhad
- Pemutang / Pemelisyen

Mohammad Hafiz Bin Tanjong
(I/C: 01-035005 - Kuning)
- Pengutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **9 Disember 2023.**

Nama Dan Alamat Bankrap:
Mohammad Hafiz Bin Tanjong
No. 275, Unit No.2,
Kampung Sengkurong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :

4 April 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :

11 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 109 / 2021

BIBD At-Tawwil Berhad
- Pemutang / Pemelisyen

Luth Bin Mumad
(Kad Pengenalan Brunei :
00-288209 - Kuning)
- Pengutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **9 Disember 2023.**

Nama Dan Alamat Bankrap:
Luth Bin Mumad
No. 8, Simpang 101,
Jalan Kecil Pawas,
Kampung Lumapas,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :

30 Oktober 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
11 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 60 / 2023

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemelisyen

**Haji Mohammad Redzuan
Bin Haji Abdullah / Kahar**
(Kad Pengenalan Brunei :
00-273127 - Kuning)
- Pengutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Pindaan
Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Pengutang yang berikut pada **17 Jun 2023.**

**Nama Dan Alamat
Terakhir Diketahui:**
Haji Mohammad Redzuan
Bin Haji Abdullah / Kahar
No. 41, Jalan Basung,
STKRJ Kampung Lugu,
Mukim Sengkurong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
30 Mei 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Pengutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
14 Disember 2023

**Nuuror-Raheebah
Binti Haji Abd Wahab**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



جوالن سالینن کمبر ۲ دیگیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam

Iaman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN


Isnin - Khamis
8.00 Paggi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



TIPS

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari**

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



@ hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

MUKA 6

Peraduan Bachaan Daerah Brunei-Muara

BANDAR BRUNEI.—Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Sabtu dan Ahad yang lalu.

Hadiyah2 kapada Khari2 dan Khariah2 yang berjaya dalam peraduan itu telah di-sampaikan oleh Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Sal-leh.

Sa-belum itu Timbalan Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin telah melafadzkan satu uchapan yang berharga.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah saperti berikut:

Bahagian Lelaki Dewasa : 1. Awang Abdullah bin Metassan. 2. Awang Mashod bin Awang Damit, 3. Awang Abdul Wahab

Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Tutong

TUTONG.—Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Daerah Tutong telah di-langsungkan di-Masjid Pekan Tutong pada hari Ahad 5 Januari, 1964 dan keputusannya ada-lah saperti di-bawah ini:

Bahagian Lelaki Dewasa : Johan—Awang Johari bin Khamis. Naib Johan—Awang Abdul Hamid Talipuddin.

Bahagian Perempuan Dewasa : Johan—Puan Mordziah binti Haji Mohamed Yassin. Naib Johan—Puan Ayahani binti Suhaili.

Bahagian Kanak2 Lelaki: Johan—Hasnan bin Idris. Naib Johan — Alimah bin Mohamed Daud.

Bahagian Kanak2 Perempuan: Johan—Fatimah binti Simpul. Naib Johan—Raiah binti Ali.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAERAH TEMBURONG

BANGAR.—Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Daerah Temburong telah di-adakan di-Masjid Pekan Bangar, Temburong pada 11 Januari, 1964.

Keputusannya ada-lah saperti berikut:

Bahagian Lelaki Dewasa : Johan—Awang Yusof bin Damit dan Naib Johan—Awang Abdul Latif bin Orang Kaya Haji Has-san.

Bahagian Perempuan Dewasa: Johan—Puan Asiah binti Mata-san dan Naib Johan Puan Zainab binti Kalong.

Bahagian Kanak2 Lelaki : Johan — Awangku Tarsat bin Pengiran Matassan dan Naib Johan Suhaili bin Ibrahim.

Bahagian Kanak2 Perempuan : Johan—Norlia binti Orang Kaya Haji Abdul Rahim dan Naib Johan—Taibah binti Orang Kaya Haji Abdul Rahim.

PELITA BRUNEI, Rabu 15 Januari, 1964.

Al-Koran

Wasli bin Haji Abu Bakar. 3. Roslee bin Bolhaji. 4. Ahmad bin Haji Abu Bakar dan 5. Awang Damit bin Haji Kawang. Bahagian Kanak2 Perempuan: 1. Mastura binti Mohamed Sal-leh. 2. Hafsa binti Awang Alim. 3. Jamilah binti Haji Omar. 4. Rosiah binti Haji Jumat dan 5. Hanifah binti Awang Hussin.

Bahagian Perempuan Dewasa: 1. Puan Zaiton binti Hussin. 2. Puan Noraini binti Haji Adnan. 3. Siti Hamidah binti Awang Angkat. 4. Dayang Timbang binti Awang Besar dan 5. Puan Hasnah binti Kula.

Bahagian Kanak2 Lelaki : 1. Hidup bin Abdul Rahman. 2.

MARHABAN

DI-ISTANA



Beberapa orang Guru2 Ugama dan lain2-nya sedang bermarhaban di-Istana Darul Hana pada masa di-adakan perayaan2 sambutan Istiadat Bertindek dan Berkhatan Puteri2 Di-Raja baharu2 ini.

KERJA2 KOSONG: PEMBANTU RUMAH SAKIT

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada chalon2 lelaki yang menjadi ra'ayat atau yang ber-hak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk lantekan sebagai Pembantu Rumah Sakit

Dalam Perchubaan di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan Brunei

nei (3 jawatan kosong). Kelayakan2 :

Permohonan2 mesti-lah berumur 18 tahun. Mereka ini mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris, atau kelulusan yang sa-taraf dengan-nya. Permohonan2 juga di-kehendaki mempunyai sijil sehat tuboh badan.

PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jem-put dari chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau siapa berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Kereta Ting-katan I di-Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Kelayakan2 :

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sepatus-nya dan mesti-lah mempunyai pengalaman sebagai Pe-mandu selama tidak ku-rang daripada 3 tahun.
- Mesti-lah boleh memandu kereta, bas, truck dan land-rover dan mempu-nyai pengetahuan ten-tang jentera kereta serta

boleh membaiki ker-o-sakan yang kecil2.

Gaji :

Dalam tingkatan gaji F.6-7 — \$184x4-212.

Permohonan2 mesti-lah di-peno-hi di atas borang2 yang bo-leh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei. Borang itu mesti-lah di-kembalikan ke-pada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 22 Januari, 1964.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat. Ketua2 Pejabat ada-lah di-ke-hendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT.—Awang Abdullah bin Lakim telah menjadi johan dalam Peraduan Bachaan Kitab Suchi Al-Koran Perengkat Daerah Belait, manakala Awang Mukim bin Hassan telah menjadi Naib Johan dan Awang Mornie bin Gapar mendapat gelaran ke-3 dalam peraduan itu.

Peraduan tersebut telah di-adakan dipekarangan rumah Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar di-Kuala Belait pada malam 5 Januari, 1964. Ramai Umat Islam telah hadir di-majlis itu.

Keputusan lain2 bahagian pe-raduan tersebut ada-lah di-siar-kan di-bawah ini:

Bahagian Perempuan Dewasa: 1. Puan Aminah binti Siling. 2. Puan Norleha binti Mohamed Noor. 3. Dayang Taibah binti Kudi.

Bahagian Kanak2 Lelaki: 1. Abu Bakar bin Haji Mohamed Puan. 2. Kassim bin Daud. 3. Sani bin Haji Abdul Rahman.

Bahagian Kanak2 Perempuan: 1. Hindut binti Lamat. 2. Dayangku Mariam binti Pengiran Ahmad. 3. Aminah binti Omar.

Pemenang2 pertama dan ke-dua dalam peraduan tersebut akan mewakili Daerah Belait dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam2 18 dan 19 Januari, 1964.

Sukatan Gaji :

Dalam Perchubaan — \$211-220-230-240-250-260-280-290-300.

Pembantu Rumah Sakit Ter-lateh — \$350-370-380x20-600.

Sharat2 Lantekan :

Pemohon2 yang di-pileh akan menjalani latehan untuk menjadi Pembantu Rumah Sakit Terlateh (dengan Sijil Juru-rawat Terlateh) di-Rumah Sakit Besar, Brunei.

Lazim-nya latehan ini mema-kan masa selama tiga tahun.

Sa-telah tamat latehan sebagai Pembantu Rumah Sakit dan se-sudah memperolehi Sijil Juru-rawat Terlateh, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sebagai Pembantu Rumah Sakit Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kese-hatan Kerajaan Brunei.

Pakaian Seragam :

Pakaian Seragam ada-lah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-adakan sekira-nya perlu.

Permohonan2 yang mesti di-peno-hkan dalam borang2 yang di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Januari, 1964.

OPERASI KABAT TAHAN 8 WARGA ASING

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Pengawatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan telah melaksanakan satu operasi penguatan kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 10 / 2024 yang menyasarkan di sebuah Pusat Pembelajaran di Mukim Berakas 'B'.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan telah mendapat lapan warga asing ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengawatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Seramai tiga warga asing daripadanya dipercayai tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mereka mansuh; manakala seorang

daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2) iaitu bekerja bukan dengan majikan asal dan empat orang dibawa ke BPGN BSB bagi siasatan lanjut dan gagal menunjukkan dokumen yang sah.

Hasil daripada Operasi Kabat 10 / 2024 itu juga telah pun membawa kepada dua pendakwaan iaitu Neneng Rohayati, perempuan berumur 47 tahun, warganegara Indonesia dan Sarintan, perempuan berumur 58 tahun, warganegara Indonesia telah dijatuhan hukuman di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Individu-individu berkenaan telah

pun dikenakan hukuman penjara selama empat bulan dan denda sebanyak BND1,000 sebagai gantian kepada sebatan. Walau bagaimanapun, individu-individu berkenaan gagal untuk membayar denda berkenaan dan menjadikan hukuman penjara mereka kepada lima bulan.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa JIPK, Haminah binti Haji Awang Salleh dan dibuat di hadapan Majistret Fatin Fikriyah binti Haji Rosli.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



OPERASI Kabat 10 / 2024 telah dilaksanakan di sebuah Pusat Pembelajaran di Mukim Berakas 'B'.

Operasi Siaga pastikan Perintah Pekerjaan dipatuhi

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Bahagian Pengawatkuasaan Undang-undang dan Bahagian Agensi Pekerjaan, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 10/2024 baru-baru ini yang bertujuan untuk menguatkuaskan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dan Perintah Agensi Pekerjaan 2004 dipatuhi oleh para majikan dan agensi-agensi yang berdaftar.

Pemeriksaan yang telah dijalankan di kawasan Kampung

Mulaut dan telah mendapat sebanyak satu kesalahan di bawah Perintah Agensi Pekerjaan, 2004 iaitu Bab 6(1) menjalankan kegiatan agensi pekerjaan tanpa lesen yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya Buruh dan 1 kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 82 gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Agensi Pekerjaan 2004 Bab 6(2), jika sabit kesalahan boleh

dikenakan denda tidak melebihi BND5,000, dihukum penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Jika sabit kesalahan kedua dan seterusnya, akan dikenakan denda tidak melebihi BND10,000, dihukum penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Manakala bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada para agensi pekerjaan yang berdaftar untuk tidak menyalahgunakan lesen agensi pekerjaan dan melanggar akta di bawah Perintah Agensi Pekerjaan, 2004.

Seterusnya, orang ramai dinasihatkan untuk berurusan hanya dengan agensi-agensi pekerjaan yang berdaftar dengan Jabatan Buruh.

Pada masa yang sama, majikan juga diingatkan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



BAHAGIAN Pengawatkuasaan Undang-undang dan Bahagian Agensi Pekerjaan, Jabatan Buruh mengendalikan Operasi Siaga 10/2024 di kawasan Kampung Mulaut (atas dan kiri).

2 syarikat dikompaun kerana buang sampah di tempat awam

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Isnin, 22 Januari. - Hasil Ops Rondaan Unit Pengawatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong pada hari ini telah mengeluarkan kompaun terhadap dua buah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021, iaitu membuang sampah di tempat awam.

Dua syarikat terbabit ialah Mak Sdn. Bhd. yang beralamat di Lot : 20184, Kampung Luagan Dudok, Jalan Sebatang Sentol dan didenda Bab 12 (1)(e) Skala Kecil (Minima) BND1,000; dan Golden Corporation Sdn. Bhd. yang beralamat di Kolam Ternakan Udang, Kampung Telisai dan didenda Bab 12 (1)(e) Skala Kecil (Minima) BND1,000.

Kedua-dua buah syarikat tersebut telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND1,000 di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021, dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Pengawatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak Syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan, tapak projek dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa juar jenis sampah sarap di tempat awam.



HASIL Ops Rondaan Unit Pengawatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap dua buah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021.

PENDAFTARAN SMS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN BCGCE PERINGKAT 'O', 'IGCSE' DIBUKAKAN

Siaran Akbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 23 Januari. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan IGCSE sesi Oktober / November 2023.

Ibu bapa atau penjaga dan pelajar yang ingin melanggani perkhidmatan berkenaan boleh membuat pendaftaran melalui SMS

dengan memasukkan teks berikut, iaitu MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON]<jarak>[NOMBOR I.C. CALON] dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST; 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd.; dan 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Tiada bayaran akan dikenakan sewaktu pendaftaran melalui telefon bimbit.

Ibu bapa atau penjaga dan pelajar boleh mula melanggani perkhidmatan berkenaan mulai pada Rabu, 24 Januari 2024.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian

Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan berkenaan.

Pelanggan akan dikenakan pembayaran berjumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan berkenaan akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai terutama sekali para ibu bapa atau penjaga dan pelajar serta pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau ingin menghadapkan sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, bolehlah berhubung terus melalui talian +673 8671355 atau e-mel kepada moeresults@machbrunei.com.

PENDAFTARAN BAGI KEPUTUSAN PEPERIKSAAN BRUNEI-CAMBRIDGE GCE PERINGKAT 'O' DAN IGCSE SESI OKTOBER/NOVEMBER 2023 MELALUI PERKHIDMATAN PESANAN RINGKAS (SMS)

Keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' dan IGCSE melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS)

ibu bapa atau Penjaga dan Pelajar boleh melanggani perkhidmatan ini bermula:

Hari Rabu, 24 Januari 2024

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.moe.gov.bn

CCD

www.moe.gov.bn feedback@moe.gov.bn 2381301 Ministry of Education Brunei Darussalam moe_brunei MOEducation_BR

Penggunaan talian alternatif Hospital RIPAS

Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 23 Januari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa kerja-kerja menaik taraf sistem telekomunikasi yang baharu dari 'Private Automatic Branch Exchange' (PABX) ke 'Internet Protocol Private Branch Exchange' (IP-PBX) akan dilaksanakan ke atas talian telefon utama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), iaitu +673 224 2424 bermula pada jam 10.00 malam, 1 Februari 2024 dan dijangka selesai pada

5 Februari 2024.

Kerja penaiktarafan ini adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan komunikasi dan efisiensi operasi hospital dengan menggantikan dari sistem lama ke teknologi terkini yang lebih sesuai mengikut keperluan semasa.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihati untuk menggunakan talian telefon alternatif untuk menghubungi Hospital RIPAS, iaitu menggunakan nombor talian +673 224 0000

di sepanjang tempoh kerja-kerja menaik taraf ini dilaksanakan.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin timbul.

Kefahaman, kerjasama dan kesabaran orang ramai ke arah ini adalah sangat-sangat dihargai.

Bagi sebarang maklumat terkini, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau ikuti akaun media sosial rasmi kementerian di @mohbrunei atau menghubungi Talian Darussalam di 123.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



سوروهنجاي فر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI

- UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI
- 1 **UJIAN ART MASIH PERLU DISEMAK OLEH PENGAWAL KESELAMATAN.**
- 2 **TUNJUKKAN KOD BRUHEALTH DAN ART KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BANGUNAN. HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN MERAH DIBENARKAN MASUK.**
- 3 **BAGI YANG MEMPUNYAI KOD UNGU, HENDAKLAH MENGHUBUNGI PIHKUH URUS SETIA PEJABAT SPA MELALUI ITALIAN PERHUBUNGAN SPA**
- 4 **HENDAKLAH MELAPOR DIRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DI TINGKAT 1 TERLEBIH DAHULU.**
- 5 **PEMAKAIAN SUNGKUP MUKA BAGI ORANG RAMAI YANG DATANG BERURUSAN KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.**
- 6 **HADIR PADA TARikh DAN WAKTU YANG DITETAPKAN BAGI UJIAN ATAU TEMU DUGA.**
- 7 **MESTILAH BERPAKAIAN KEMAS, SOPAN DAN MENUTUP AURAT.**
- 8 **TERUS BEREDAR SETELAH SELESAI BERURUSAN.**

EXIT



Bijaksana kawal kewangan awda

KEWANGAN Islam adalah sistem kewangan yang mematuhi prinsip syariah yang ditetapkan oleh agama Islam. Prinsip ini melarang riba (faedah), ketidakadilan dalam transaksi, dan aktiviti perniagaan haram.

Di Negara Brunei Darussalam, penubuhan institusi kewangan Islam yang telah lama bertapak di negara ini telah menunjukkan pertumbuhan yang sangat menggalakkan. Secara tidak langsung, perkara ini berjaya merealisasikan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar negara menyebarluaskan syiar Islam melalui perbankan yang berlandaskan syarak. Ini juga membuktikan bahawa sistem kewangan Islam adalah progresif dan mampu berdaya saing di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa.

Bijak berbelanja

Oleh itu, kita perlu bijak dalam mengatur kewangan sendiri. Bersederhana walau di mana kita berada adalah faktor utama dalam mengawal kewangan agar tidak membebankan pada masa hadapan. Ketidakmampuan kita untuk mengawal kewangan akan dapat menjerumuskan kita kepada bebanan hutang. Dalam keadaan terdesak untuk mendapatkan wang dengan cepat, ramai yang sanggup mendapatkan pinjaman daripada *loan shark* atau lebih dikenali sebagai Ah Long.

Bahaya kegiatan Ah Long

Kegiatan Ah Long adalah tidak berlesen

dan tidak dikawal selia. Mereka dengan sesuka hati boleh mengenakan kadar faedah yang berganda, jadual pembayaran atau syarat-syarat tanpa mempertimbangkan hal ehwal kebajikan peminjam.

Praktis ini termasuklah meminjamkan sejumlah wang pada masa yang pendek dan peminjam boleh mendapatkan wang tunai tersebut dengan serta-merta tetapi kadar faedah yang dikenakan adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan kadar yang ditawarkan oleh institusi kewangan berlesen. Ini merupakan tawaran yang menarik bagi mereka yang kekurangan wang disebabkan oleh pengurusan kewangan yang lemah atau dibebani hutang, yang sangat memerlukan wang untuk keperluan segera.

Perlu diketahui, amalan meminjam wang daripada Ah Long melanggar prinsip-prinsip utama Kewangan Islam. Dalam Kewangan Islam, riba (faedah) dilarang keras kerana dianggap sebagai bentuk eksploitasi dan ketidakadilan. Ah Long sering memanfaatkan keperluan mendesak individu yang memerlukan dana segera tanpa mengambil kira kemampuan mereka untuk membayar balik pinjaman.

Kesan buruk bagi individu dan masyarakat

Amalan peniaga haram Ah Long mempunyai kesan buruk yang meluas, baik bagi individu maupun masyarakat secara keseluruhan. Individu yang terjebak dalam pinjaman Ah Long sering menghadapi beban hutang yang berat akibat kadar faedah yang tinggi dan tersembunyi. Apa yang lebih menakutkan lagi, seringkali terjadi kes-kes

Ah Long melakukan ancaman kekerasan serta menggunakan praktik penindasan, dan penipuan untuk memaksa individu membayar hutang mereka.

Melindungi masyarakat daripada peniaga haram

Untuk melindungi masyarakat daripada kegiatan peniaga haram seperti Ah Long, langkah-langkah pencegahan yang efektif perlu diambil. Antaranya ialah menguatkuasakan undang-undang bagi sebarang pinjaman yang tidak berlesen. Tindakan tegas dan penegakan perundungan yang kuat harus dilakukan untuk memastikan kepatuhan terhadap prinsip-prinsip kewangan Islam dan melindungi masyarakat dari penyelewengan kewangan.

Masyarakat juga perlu disedarkan melalui pendidikan tentang kewangan Islam, risiko peminjaman wang haram agar mereka tidak menjadi mangsa penipuan. Penegakan perundungan yang tegas terhadap peniaga haram juga perlu dilakukan untuk memberikan kesan kepada mereka yang terlibat dalam kegiatan ini.

Elakkan diri jadi mangsa Ah Long

Sediakan payung sebelum hujan. Memang ada benarnya pepatah ini kerana kita perlu bersedia jika sesuatu perkara terjadi apatah lagi yang melibatkan hal ehwal kewangan.

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

Kita perlu bijak dengan menyediakan satu tabung kecemasan untuk kegunaan pada masa-masa kecemasan. Jika kita mempunyai simpanan sendiri, kita dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa peniaga wang haram, Ah Long. Adalah penting untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatan bulanan awda untuk kegunaan kecemasan.

Penting juga bagi awda untuk meneliti perbelanjaan awda dan memastikan ianya adalah berdasarkan kepada kemampuan. Telitilah perbelanjaan awda mengikut keutamaan, selesaikanlah dulu hutang awda dan belilah barang keperluan rumah sebelum berbelanja bagi perkara yang lain.

Kesimpulan

Walaupun meminjam wang daripada peminjam wang tidak berlesen, khususnya Ah Long, kelebihan memberikan penyelesaian yang cepat dan mudah, adalah perlu diingatkan bahawa sebenarnya ianya adalah lebih mahal dan berbahaya. Pihak berkuasa mungkin sukar untuk melindungi awda apabila sudah jauh terjebak di dalam masalah tersebut. Menjadi individu yang bertanggungjawab terhadap kewangan sendiri dengan membuat pengurusan kewangan yang bijak, akan menghindari awda daripada mengalami masalah kewangan dan terjebak menjadi mangsa Ah Long.





MALAYSIA AZAM GUNA SEMUA PLATFORM UNTUK SOKONG PALESTIN

PUTRAJAYA, 22 Jan. - Malaysia bertekad untuk menggunakan segala platform bagi menyokong Palestin dan menamatkan kekejaman di Gaza serta membawa Israel ke muka pengadilan, menurut kenyataan Kementerian Luar (Wisma Putra) pada Isnin.

Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan dijadual mengambil bahagian dalam Debat Terbuka Peringkat Menteri di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC), berhubung situasi di Asia Barat, termasuk isu Palestin di New York, Amerika Syarikat pada 23 Jan, demi menunjukkan sokongan padu dan tidak berbelah bagi Malaysia kepada Palestin.

"Di UNSC Menteri Luar akan mengulangi desakan Malaysia untuk gencatan senjata serta-merta, menentang perpindahan berterusan rakyat Palestin secara paksa dan menegaskan kepentingan penghantaran bantuan

kemanusiaan tanpa sebarang halangan untuk menangani pembinaaan kemanusiaan yang sedang berlaku di Semenanjung Gaza.

"Malaysia akan mendesak supaya Israel bertanggungjawab ke atas tindakannya yang terang-terangan melanggar undang-undang antarabangsa," kata Wisma Putra.

Menurut Wisma Putra, Menteri Lura akan mengesyorkan supaya negara Palestin secara rasminya diiktiraf sebagai negara anggota PBB dengan keahlian penuh. Usaha ini bertujuan untuk memajukan perjuangan hak mutlak mereka bagi menentukan nasib sendiri dan kemerdekaan dan kedaulatan yang telah lama dinafikan.

Cadangan itu menyokong penyelesaian dua negara berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara.

Beliau juga dijadual bertemu dengan Setiausaha Agung PBB

Antonio Guterres untuk menyatakan sokongan Malaysia kepada seruan terkini beliau untuk bantuan kemanusiaan disalurkan ke Gaza dengan cepat, selamat, menyeluruh, berterusan dan tanpa halangan.

"Malaysia memperakui usaha-usaha di peringkat multilateral yang dilakukan untuk memberi tumpuan berterusan kepada Situasi di Palestin.

"Mendukung suara rakyat Malaysia untuk Palestin, Menteri Luar juga akan menyerahkan poskad khas dari Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan anggota-anggota Kabinet kepada Setiausaha Agung PBB, menerusi PBB supaya menerima negara Palestin sebagai negara anggota PBB dengan keahlian penuh dan pada masa yang sama menggesa gencatan senjata serta-merta," kata Wisma Putra.

Malaysia juga akan menyatakan sokongan kepada Sigrid Kaag

semasa beliau menunaikan tanggungjawab sebagai Koordinator Kanan Kemanusiaan dan Pembinaan Semula Gaza. Selain daripada usaha-usaha diplomatik, Malaysia juga terlibat dalam tindakan undang-undang di peringkat antarabangsa mengenai isu Palestin.

Mohamad dijangka mengetuai delegasi Malaysia ke Sesi Pendengaran Awam bagi mendapatkan Pendapat Nasihat Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai kesan perundungan yang timbul akibat daripada polisi dan pencabulan berterusan oleh Israel terhadap Wilayah Palestin yang Diduduki, termasuk Baitulmaqdis Timur yang akan diadakan di Peace Palace, The Hague, Belanda, bermula dari 19 Feb depan.

"Malaysia dijangka menyampaikan Kenyataan Lisan pada 22 Feb. Malaysia sebelum ini telah mengumumkan Kenyataan

Bertulis pada 25 Julai, 2023 kepada ICJ yang memberi fokus kepada pencabulan hak rakyat Palestin untuk penentuan nasib sendiri (self-determination) oleh Israel," kata Wisma Putra.

Menurut Wisma Putra proses bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ adalah susulan daripada Resolusi 77/247 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah diterima pakai pada 30 Disember, 2022 dan ditaja bersama oleh Malaysia.

Malaysia menyokong sepenuhnya tindakan undang-undang yang dikemukakan oleh Afrika Selatan terhadap Israel berkaitan pencabulan terhadap tanggungjawabnya di bawah Konvensyen 1948 membabitkan Pencegahan dan Hukuman Jenayah Genosid. Menurut Wisma Putra Malaysia juga sedang meneroka opsyen tersedia untuk menyokong kes itu dengan lebih lanjut. - ©BERNAMA

Pelantikan Budi Arie sebagai Menteri Luar Indonesia amalan biasa - Kementerian

JAKARTA, 22 Jan. - Pelantikan Menteri Komunikasi dan Informasi Budi Arie Setiadi sebagai pemangku Menteri Luar semasa ketiadaan Retno Marsudi merupakan amalan biasa dalam pentadbiran.

Ini sering berlaku apabila seorang menteri menjalankan tugas rasmi di luar negara, malah Retno sebelum ini pernah dilantik sebagai pemangku Menteri Hal Ehwal Politik, Undang-undang dan Keselamatan, menurut Kementerian Luar.

"Menteri, Retno, kini berada di New York untuk menghadiri debat Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Gaza dan mengadakan beberapa pertemuan dengan beberapa rakan sejawatannya," kata jurucakap kementerian itu, Lalu Muhammad Iqbal, dalam satu kenyataan.

Beliau berkata Timbalan Menteri Luar Pahala Mansury berada di Kampala, Uganda, mewakili Indonesia untuk mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali.

Sementara itu, Penyelaras Staf Presiden Ari Dwipayana berkata kuasa membuat keputusan pemangku menteri biasanya diputuskan di peringkat menteri.

Pada 19 Jan, Presiden Joko Widodo melantik Budi sebagai pemangku menteri luar semasa Retno melakukan perjalanan rasmi dua hari yang berakhir hari ini.

Pelantikan Budi mencetus perbincangan umum berikutnya spekulasi beberapa menteri Kabinet bercadang untuk meletakkan jawatan, termasuk Menteri Kewangan Sri Mulyani Indrawati.

Bagaimanapun, Joko Widodo pada Sabtu menafikannya sambil menegaskan bahawa Kabinetnya menjalankan tugas seperti biasa.

- ©BERNAMA

Majlis Keselamatan PBB adakan Debat Terbuka Peringkat Menteri

NEW YORK, 22 Jan - Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) akan mengadakan Debat Terbuka Peringkat Menteri berhubung situasi di Asia Barat, termasuk isu Palestin di sini pada Selasa.

Dalam sesi yang dipengerusikan oleh Menteri Luar Perancis, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Antonio Guterres akan memberi taklimat kepada ahli Majlis mengenai situasi di Palestin, khususnya Gaza, lapor Agensi Berita Jordan (Peta).

Menteri luar beberapa negara utama dunia dijadualkan mengambil bahagian dalam sesi itu, termasuk Rusia.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Mohamad Hasan dijadual mengambil bahagian dalam debat terbuka itu demi menunjukkan sokongan padu dan tidak berbelah bagi Malaysia kepada Palestin.

- ©BERNAMA

47 tertimbus dalam insiden tanah runtuh di China

KUNMING, 22 Jan. - Sekurang-kurangnya 47 orang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh yang melanda wilayah Yunnan di barat daya China pada Isnin.

Lebih 200 penyelamat bersama 33 kenderaan bomba dan 10 jengkaut terlibat dalam operasi mencari mangsa selepas bencana itu berlaku di Kampung Liangshui, Pekan Tangfang di bandar Zhaotong pada 5.51 pagi, lapor Xinhua.

Seramai lebih 200 penduduk telah dipindahkan ketika Suruhanjaya Wilayah bagi Pengurangan Bencana mengaktifkan tindak balas kecemasan Tahap III untuk bantuan bencana. - ©BERNAMA

Thailand lancar perkhidmatan pemberitahuan 90 hari untuk warga asing

BANGKOK, 22 Jan. - Biro Imigresen Thailand telah melancarkan 'perkhidmatan pemberitahuan dalam talian 90 hari' baharu untuk warga asing yang tinggal lebih 90 hari di Thailand.

Pesuruhjaya Biro Imigresen dan wakil sektor berkaitan Jeneral Ittipol Itthisarnronnachai berkata perkhidmatan baharu itu selaras dengan pelan dasar ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Srettha Thavisin yang bertujuan menarik lebih ramai pelancong dan pelabur ke Thailand.

"Perkhidmatan baharu oleh Biro Imigresen akan mengurangkan dan memendekkan proses pelaporan bagi warga asing yang menetap atau menjalankan perniagaan di Thailand," menurutnya dalam satu kenyataan.

Terdahulu, beliau melancarkan 'perkhidmatan pemberitahuan dalam talian 90 hari' baharu untuk warga asing di Bahagian Imigresen 1 di Kompleks Kerajaan di sini pada Isnin.

Ittipol berkata perkhidmatan itu

akan terlebih dahulu disediakan kepada pelabur yang ditaja oleh Lembaga Pelaburan Thailand (BOI), dengan rancangan untuk meluaskannya kepada warga asing yang memegang jenis visa lain pada masa hadapan.

Mereka yang merancang untuk menggunakan sistem itu boleh berbuat demikian 15 hari sebelum tarikh yang ditetapkan di mana sahaja dan pada bila-bila masa melalui saluran dalam talian, termasuk telefon bimbit, tablet atau komputer.

Proses pendaftaran pula adalah mudah dengan pengguna dikehendaki mendaftar di www.immigration.go.th, menerima kata laluan melalui e-mel dan log masuk untuk mengisi maklumat peribadi mereka dan memaklumkan penginapan 90 hari dalam sistem.

Keputusan pemberitahuan akan dimaklumkan melalui e-mel atau melalui laman sesawang imigresen.

Pada masa ini, warga asing dikehendaki mengisytiharkan

penginapan 90 hari mereka melalui tiga cara - mengunjungi Biro Imigresen, memberi kuasa kepada seseorang untuk melaporkan bagi pihak mereka atau menghantar borang pemberitahuan melalui e-mel berdaftar.

Perkhidmatan dalam talian baharu itu dijangka memberi keselesaan tambahan kepada warga asing melalui saluran perkhidmatan dalam talian biro imigresen.

Selain 'perkhidmatan pemberitahuan dalam talian 90 hari', Biro Imigresen juga menawarkan perkhidmatan 'e-Extension', membenarkan warga asing melanjutkan visa mereka dengan mengisi maklumat peribadi dalam talian dan membuat janji temu dengan pegawai imigresen untuk pengesahan identiti, dengan pelekat visa dikeluarkan dalam masa 5 minit.

Perkhidmatan itu juga memudahkan warga asing melengkapkan prosedur visa mereka. - ©BERNAMA

Pilihan Raya AS : Gabenor Florida Ron DeSantis pula tarik diri, sokong Trump

WASHINGTON, 22 Jan. - Gabenor Florida Ron DeSantis pada Ahad menarik diri daripada pilihan raya presiden Amerika Syarikat (AS) 2024 dan menyokong bekas Presiden Donald Trump, dua hari sebelum kokus New Hampshire peringkat primari presiden, lapor Xinhua.

Tindakan

DeSantis

menjadikannya calon presiden kedua dari parti Republikan yang menarik diri dan menyatakan sokongan kepada Trump selepas Vivek Ramaswamy. "Kami tidak mempunyai lauan yang jelas untuk kemenangan," kata DeSantis dalam video yang disiarkan di X.

Dalam video itu, DeSantis berkata beliau menyokong Trump kerana

jelas majoriti pengundi utama Republikan mahu memberi Donald Trump satu lagi peluang.

DeSantis membuat keputusan itu selepas mengalami kekalahan 30 peratus mata kepada Trump dalam kokus Iowa. Trump mendahului dengan 51 peratus manakala DeSantis di tempat kedua dengan 21 peratus. - ©BERNAMA

Nahas pesawat Rusia : 4 daripada 6 penumpang ditemukan selamat

KABUL, 22 Jan. - Seramai empat daripada enam penumpang termasuk juruterbang ditemukan masih hidup pada Ahad selepas sebuah pesawat Rusia terhempas di wilayah Badakhshan di timur laut Afghanistan, kata pentadbiran Taliban.

Dalam satu kenyataan di X, jurucakap pentadbiran sementara Taliban Zabihullah Mujahid berkata pesawat yang dilaporkan hilang dijumpai oleh pasukan mencari dan menyelamat tempatan.

di kawasan Aruz Koh di daerah Kuf Ab, lapor Agensi Berita Anadolu. Beliau berkata pasukan penyiasat sedang mengesan dua lagi penumpang pesawat malang itu.

Agensi Pengangkutan Udara Persekutuan Russia (Rosaviatsiya) yang merujuk kedua-dua Rusia di Afghanistan berkata jet peribadi Falcon 10 yang terhempas telah dijumpai oleh pasukan mencari dan menyelamat tempatan.

Terdahulu, pihak berkuasa penerbangan Rusia berkata pesawat dengan enam orang penumpang merupakan penerbangan sewa khas dari India melalui Uzbekistan ke Moscow.

Pihak berkuasa Rusia berkata pesawat itu, sebuah jet Dassault Falcon 10 buatan Perancis dan berdaftar di negara berkenaan dan hilang daripada skrin radar di Afghanistan pada petang Sabtu. - ©BERNAMA

DUA RAKYAT MALAYSIA DITAHAN DI GUANTANAMO MUNGKIN PULANG KE MALAYSIA MENJELANG AKHIR TAHUN

KUALA LUMPUR, 23 Jan. - Dua rakyat Malaysia yang mengaku bersalah dalam insiden pengeboman di Bali, Indonesia dua dekad lalu mungkin kembali ke Malaysia sebelum akhir tahun ini di bawah rundingan bagi pengakuan bersalah yang dipersetujui minggu lepas.

Seorang juri tentera di Teluk Guantanamo akan ditugaskan untuk memilih bentuk hukuman dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun, menurut laporan oleh pewarta New York Times di Teluk Guantanamo di Cuba pada Isnin.

Bagaimanapun, rundingan bagi pengakuan bersalah yang dicapai minggu lepas yang membantu mengelakkan proses litigasi yang panjang mungkin membolehkan kedua-dua mereka kembali ke Malaysia.

Mohammed Farik Amin, 48, dan Mohammed Nazir Lep, 47, ditahan selama bertahun-tahun di penjara luar negara rahsia Agensi Perisikan Pusat Amerika Syarikat (CIA).

Laporan itu menyatakan bahawa sebahagian daripada rundingan bagi pengakuan bersalah yang

membayangkan kepulangan mereka ke Malaysia kekal sebagai rahsia.

Prosiding hukuman terhadap Mohammed Farik dan Mohammed Nazir adalah sebahagian daripada strategi kerajaan Amerika Syarikat (AS) untuk cuba menyelesaikan kes-kes keselamatan negara Guantanamo melalui rundingan bagi pengakuan bersalah.

Minggu lepas kedua-dua lelaki yang kini ditahan di Guantanamo mengaku bersalah atas pertuduhan bersalah dalam insiden pengeboman di Bali yang mengorbankan 202 orang pada 12

Oktober 2002.

Mereka telah didakwa bersama Encep Nurjaman yang juga dikenali sebagai Hambali dari Indonesia.

Bagaimanapun, pada Oktober lepas New York Times melaporkan Mohammed Farik dan Mohammed Nazir mencapai persetujuan dengan pendakwa raya di Teluk Guantanamo untuk tuduhan menjadi 'aksesor' kepada serangan pengganas di Bali, oleh itu kes berkenaan diasingkan daripada kes Hambali.

Dalam pengakuan mengaku bersalah itu, Mohammed Farik dan Mohammed Nazir bersetuju untuk



memberi keterangan terhadap Hambali, bekas pemimpin gerakan Jemaah Islamiyah.

New York Times juga melaporkan sebagai sebahagian daripada rundingan bagi pengakuan bersalah itu, kedua-duanya disoal oleh pendakwa raya pada Ahad dan Isnin yang mungkin digunakan dalam perbicaraan Hambali, yang menurut pendakwa akan diadakan pada tahun depan. - ©BERNAMA

Situasi kesihatan di Khan Younis umpama malapetaka - Kementerian Kesihatan Gaza

ISTANBUL, 23 Jan. - Situasi kesihatan di Khan Younis, sebuah bandar di selatan Semenanjung Gaza kini umpama malapetaka berikut serangan berterusan Israel, kata Kementerian Kesihatan di Gaza pada Isnin.

Dalam satu kenyataan Kementerian Kesihatan berkata keadaan kesihatan di Khan Younis berada pada tahap malapetaka yang tidak dapat digambarkan dengan ramai individu yang cedera terbaring di atas lantai Hospital Al-Nasr, lapor Agensi Anadolu (AA).

"Kesukaran dan kelewatan dalam membawa mangsa yang cedera ke Hospital Al-Nasr menyebabkan nyawa mereka dalam bahaya," menurut kementerian.

Cabarani besar terpaksa dihadapi pasukan kesihatan ketika mereka berusaha merawat puluhan pesakit yang cedera parah, termasuk kekurangan bekalan perubatan dan ubat-ubatan.

Menurut Kementerian Kesihatan serangan Israel turut memaksa penduduk mengebumikan 40 mayat dalam kubur besar di pekarangan

Hospital Al-Nasr.

Seorang pewarta AA di wilayah itu melaporkan rakyat Palestin di Khan Younis tidak dapat sampai ke tanah perkuburan kerana pengeboman berterusan tentera rejim dan terpaksa mengebumikan mayat penduduk di pekarangan Hospital Al-Nasr.

Pejabat Media Kerajaan Gaza sebelum ini menyatakan bahwa tentera Israel menyasarkan lima pusat perlindungan penduduk di seluruh Khan Younis yang menjadi tempat perlindungan bagi 30,000 rakyat Palestin.

Kenyataan itu menegaskan bahawa Israel mendakwa pusat perlindungan itu selamat, mengajak rakyat Palestin mencari perlindungan di kemudahan berkenaan namun kemudian tentera berkenaan penceroboh

menyerang premis berkenaan.

Israel turut menyerang Universiti Al-Aqsa, sekolah-sekolah dan pusat perlindungan perindustrian Khan Younis yang mengorbankan banyak nyawa penduduk. - ©BERNAMA

Pelaburan tak wujud : Pesara kerugian lebih RM1.4 juta

KUANTAN, 23 Jan. - Seorang pesara swasta mendakwa kerugian lebih RM1.4 juta selepas menyertai skim pelaburan saham yang diketahui menerusi akaun Facebook sejak Oktober lepas.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata mangsa yang berusia 70 tahun mendakwa berminat untuk menyertai pelaburan itu kerana menjanjikan keuntungan lumayan.

"Mangsa semakin tertarik kerana turut diberikan kelas pelaburan selama lapan bulan secara dalam talian sebelum membuat pelaburan pertama bernilai RM20,000.

"Pelaburan itu, menurut mangsa membawa pulangan sebanyak RM4,000 menyebabkan dia berani mengeluarkan wang simpanan untuk menambah modal," katanya menerusi kenyataan menerusi kenyataan di sini hari ini.

Yahaya berkata mangsa mendakwa telah membuat 19 kali transaksi pemindahan wang ke lapan akaun diberikan suspek bagi tujuan itu, yang secara keseluruhan melibatkan bayaran RM1.4 juta.

Mangsa membuat laporan polis di balai polis di Raub, dekat sini semalam, selepas

gagal menghubungi suspek bagi mengeluarkan 'keuntungan' yang dijanjikan.

Sehubungan itu, Yahaya menasihatkan orang awam untuk berwaspada dan membuat semakan sebelum menyertai pelaburan dalam talian, khususnya yang menjanjikan pulangan lumayan dalam masa singkat.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima di <https://semakmule.rmp.gov.my> sebelum membuat transaksi bagi mengurangkan risiko diperdaya. - ©BERNAMA

GEORGE TOWN, 23 Jan. - Enam individu termasuk tiga wanita dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan mempromosikan perjudian dalam talian, Selasa lepas.

Chooi Pi Tse, 32, Ong Ji Wei, 24, Lai Ming Hao, 30, Ching Zi Wei, 32, Lye Kher Ying, 26, dan Yeap Ting Yao, 32, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Mohamad Azlan Basri.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di Pusat Perdagangan Nova, Jalan Ahmad Nor, Jelutong di sini pada 10.45 pagi 16 Januari lepas mengikut Seksyen 4(1)(g) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda minimum RM5,000 maksimum RM50,000 dan penjara sehingga tiga tahun, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Syairah Aqilah Khalil menawarkan jaminan RM9,000 bagi setiap tertuduh namun Chooi, Ong, Ching, Lye serta Yeap, yang diwakili peguam Teh Yi Kai, dan Lai diwakili peguam Ang Xin Lin, memohon jaminan minimum atas alasan mereka mempunyai tanggungan.

Mahkamah membenarkan kesemua tertuduh masing-masing diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 11 Mac untuk sebutan semula kes. - ©BERNAMA

Enam mengaku tidak bersalah promosi judi dalam talian

Dua pekerja maut akibat bangunan runtuh, pengarah syarikat didenda RM150,000

JERTHIH, 23 Jan. - Pengarah syarikat Malee Beach Resort Sdn. Bhd. hari ini didenda RM150,000 oleh Mahkamah Sesyen Besut di sini hari ini selepas mengaku bersalah membina bangunan tanpa kebenaran sehingga ia runtuh dan menyebabkan kematian dua orang pekerjaannya pada 9 November tahun lepas.

Tertuduh, Lee Boon Han, 55, mengaku bersalah di hadapan Hakim Ahmad Fadhli Mahmud.

Pertuduhan terhadap Lee adalah mengikut Seksyen 34B (1) (c), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) dibaca bersama Seksyen 34D (1) akta yang sama, iaitu boleh didenda RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut kertas pertuduhan, Lee

didakwa mendirikan bangunan resort di Pulau Perhentian itu menggunakan lukisan konsep oleh pelukis bebas yang tidak boleh digunakan dalam apa-apa projek pembinaan dan tidak mempunyai perakuan daripada perunding bertauliah.

Bangunan yang dibina Lee sebagai kontraktor itu juga didapati tidak mendapat kelulusan pembinaan dan kebenaran merancang daripada Majlis Daerah Besut, selain gagal melaksanakan siasatan tanah di tapak pembinaan terbabit.

Kertas pertuduhan juga antara lain menyebut Lee tidak menyediakan laporan kesan alam sekitar bagi projek, mengambil penyelia tapak tidak kompeten termasuk mengupah pekerja tidak mahir yang tidak mempunyai perakuan kemahiran dan akreditasi

dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Pegawai pendakwa daripada CIDB Muhammad Hafiz Hassan berkata ekoran itu, Lee telah menyebabkan keseluruhan bangunan tiga tingkat yang dalam pembinaan itu runtuh dan menghempap tujuh orang pekerja sehingga mengakibatkan dua pekerja warga Indonesia iaitu Suparo dan Fathul Munir maut dalam kejadian antara pukul 1.00 hingga 5.00 pagi itu.

Oleh itu, Muhammad Hafiz berkata tertuduh wajar dikenakan hukuman yang berat memandangkan insiden itu berhubung kait dengan isu kepentingan awam kerana bangunan resort berkemas sekiranya siap akan digunakan oleh orang rama.

"Tertuduh berasib baik kejadian itu berlaku sewaktu tempoh pembinaan dan bukan selepas ia siap dibina di mana risikonya jauh lebih besar."

Seksyen 34B juga telah dipinda oleh Parlimen pada 2011 sehingga denda dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM500,000 memandangkan isu ini adalah isu kepentingan awam yang diberi perhatian serius oleh kerajaan demi melindungi masyarakat dan pekerja," katanya.

Sementara itu, peguam Hayder Yazid yang mewakili Lee memohon untuk anak guamnya diberikan hukuman lebih ringan kerana pengakuan bersalah Lee telah menjimatkan masa perbicaraan mahkamah selain kesalahan terbabit merupakan kesalahan pertamanya.

Hayder berkata Lee turut

mengambil tanggungjawab dengan menanggung kos rawatan lima mangsa yang cedera selain kos penghantaran jenazah Suparo dan Fathul Munir ke Indonesia berjumlah RM44,300.

Lee kemudiannya membayar denda berkenaan kira-kira pukul 11.20 pagi tadi sebelum meninggalkan kompleks mahkamah.

Dalam kejadian pada 9 November lepas itu, sebuah bangunan restoran tiga tingkat yang dalam pembinaan di sebuah resort di pulau peranginan itu tiba-tiba runtuh dan menghempap tujuh pekerja binaan termasuk seorang warga tempatan yang ketika itu sedang tidur.

Lima mangsa terselamat manakala dua lagi terkorban akibat insiden itu. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



FOKUS PEMBANGUNAN BOLA SEPAK AKAR UMBI



MAJLIS Muzakarah FABD bersama Pengurus-pengurus Pasukan Grassroot di Daerah Belait berlangsung di Kompleks Sukan Mumong.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

KUALA BELAIT, Selasa, 23 Januari. - Haji Mohd. Eusoff melahirkan cita-cita untuk Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin

mengubah landskap bola sepak Negara Brunei Darussalam.

Keazaman tinggi itu disuarakan semasa Majlis Muzakarah FABD bersama Pengurus-pengurus Pasukan Grassroot di Daerah Belait.

"Saya akan bekerja tanpa henti untuk menyokong pelajar atau pemain bola sepak

yang kurang berkemampuan kewangan daripada pemain bola sepak grassroot agar juga dapat mengejar cita-cita mereka untuk menjadi pemain bola sepak dan futsal yang cemerlang," jelasnya pada majlis yang berlangsung di Kompleks Sukan Mumong, di sini.

Presiden FABD yakin perbincangan berkenaan akan membuka era baharu dalam perkembangan bola sepak Brunei dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat lebih tinggi.

Penubuhan kelab bola sepak peringkat akar umbi sangat penting dan menjadi aset penting kepada perkembangan bola sepak negara dalam jangka panjang.

Majlis Muzakarah berkenaan merupakan salah satu daripada pelan strategik FABD dalam mengembangkan bola sepak di negara ini.

FABD sangat menekankan keperluan yang penting dalam membentuk perkembangan, kemahiran dan kemajuan pemain-pemain akar umbi.

Justeru, FABD telah merancang beberapa kejohanan, akademi latihan dalam usaha menarik minat pemain peringkat akar umbi untuk menceburi bidang bola sepak.

Turut hadir di Majlis Muzakarah tersebut ialah Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Haji Jufry bin Pengiran Haji Jaludin dan Pengiran Jamilah binti Pengiran Haji Zainin.

Juga hadir sama ialah Yang Dipertua Pertubuhan Bola Sepak Daerah Belait, Awang Morni bin Haji Zakaria

Jakusha Tour anjur Beyblade X, Bit Flat / Low Flat



PARA peserta bergambar ramai bersama hadiah yang dimenangi pada perlawanan akhir Beyblade X, Bit Flat / Low Flat anjuran Jakusha Tour yang diadakan di Teratak DBos di Kampung Mentiri.

Siaran Akhbar dan Foto :
DBos Beys Beyblade Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Awang Abdul Malik Sofri bin Mohd. Ariffin daripada Pasukan Jakusha

Bladers muncul juara setelah berjaya menewaskan Awang Harris Abdullah juga daripada pasukan yang sama pada perlawanan akhir Beyblade X, Bit Flat / Low Flat anjuran Jakusha Tour yang diadakan di Teratak DBos di Kampung Mentiri sekali

gus berjaya membawa pulang hadiah utama iaitu sebuah telefon bimbit jenama Poco C40.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh Awang Massun bin Haji Mohid daripada Pasukan Underground Beys setelah

berjaya menewaskan Awang Muhammad Faris Azmeer bin Abdullah daripada Pasukan Jakusha yang menduduki tempat keempat. Manakala pemenang hadiah Top 8 disandang oleh JB Mimi Nazuwan, SA Julkarnain dan JB Aediesopian.

Dalam perebutan Liga Beyblade Brunei Darussalam bagi Tahun 2023/2024 Pasukan Jakusha Bladers masih mengungguli carta liga dengan memperoleh 119 mata diikuti Pasukan Ghostbeys dengan 72 mata sekali gus berjaya memintas Pasukan Underground Beys yang memperoleh 70 mata serta Pasukan Santai Aja Bladerz yang mengutip 61 mata dan Beyblade Madness dengan 7 mata.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBAIKI NIAT DALAM MELAKUKAN SESUATU AMAL KEBAJIKAN